


Jilid I
Bil. 2



Hari Isnin
3hb Julai 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

MALAYSIA

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEMBILAN**

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' ADAM BIN KADIR, D.I.M.P. (Dilantik).

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK CHONG KAH KIAT, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik).
- " Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- " TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG, A.M.N.. (Dilantik).
- " TUAN MICHAEL BONG THIAM JOON, A.B.S., J.B.S. (Dilantik).
- " TUAN CHONG CHI SIONG @ CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- " TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE, A.D.K. (Sabah).
- " TUAN DING SELING (Dilantik)
- " TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- " TUAN HAJI GHAZALI BIN HAJI EMBONG, P.J.K. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH HABSHAH BINTI HAJI OSMAN, P.P.T., P.J.K. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- " WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD, A.B.S. (Sarawak).
- " TUAN HANIPAH BIN AHMAD, P.J.K. (Perlis).
- " TUAN IBRAHIM BIN DAUD, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor).
- " TUAN ISLIBIN HAJI SIPUT (Dilantik—Wilayah Persekutuan Labuan).
- " TUAN ITAM WALI BIN NAWAN, P.P.N. (Dilantik).
- " TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan).
- " TUAN JANGGU ANAK BANYANG, P.B.K. (Sarawak).
- " DATUK JOHAN B.O.T. GHANI @ CHRISTOPHER, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik).
- " PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN, (Kelantan).
- " TUAN KAN KOK KWAN, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN KELSOM BINTI YAACUB, A.M.P., P.J.K. (Pahang).
- " PUAN KIAN SIT HAR, P.J.K., A.M.N., B.K.T. J.P. (Melaka).

3 JULAI 1995

Yang Berhormat TUAN LOW KAI MENG, P.J.K., J.P. (Perak).

- " TUAN N. MARIMUTHU A/L NADESAN, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN MASTIKA JUNAIDAH BINTI HUSIN (Dilantik).
- " TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan)
- " TUAN NG SEE TIONG, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor).
- " DATO' (IR.) NG THIAN HOCK D.S.S.A., S.M.S., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- " DR. NG YEN YEN, P.J.K. (Pahang).
- " TUAN HAJI OTHMAN BIN YUNOS, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHAIAH BINTI BAHERAN, P.J.K. (Dilantik).
- " TUAN RAHIM BIN BABA, A.M.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH RAHMAH BINTI SALLEH, P.J.K. (Terengganu).
- " TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).
- " TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- " TUAN HAJI SALLEH @ HASSAN BIN ALI, P.J.K. (Terengganu).
- " PUAN SRI SARASA PASAMANICKAM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH SELEMIH BINTI HASHIM (Dilantik).
- " TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).
- " DATO' SOONG SIEW HOONG, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- " TUAN TAN SON LEE (Kedah)
- " DATO' V. K. K. TEAGARAJAN, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- " DATO' TING CHECK SHI, D.I.M.P. (Dilantik).
- " TAN SRI DATO' G. VADIVELOO A/L/ GOVINDASAMY, P.S.M., D.P.M.S. S.M.S., A.M.N. (Dilantik).
- " DATUK K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI, D.J.N., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- " DATIN HAJAH WAN INTAN BINTI HAJI WAN AHMAD TAJUDDIN, P.J.K., A.M.S. (Dilantik).
- " DATUK DAVID YEOH ENG HOCK, D.M.S.M. (Dilantik).
- " TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DEROS, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor).
- " DATO' ZAINOL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.M., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- " PUAN HAJAH ZALEHA BINTI HUSSIN (Dilantik).
- " TUAN M. ZEEVILL @ SHANMUGAM A/L R. M. S. MUTAYA (Selangor).

3 JULAI 1995

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar
K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.
P.P.N.
: Haji Suhor bin Husin.


Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Jilid 1
Bil. 2



Hari Isnin
3hb Julai 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT PERTAMA

First Meeting

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong

[Muka Surat 1]

Memperkenankan Akta-akta

[Muka Surat 1]

Perutusan daripada Dewan Rakyat

[Muka Surat 2]

URUSAN MESYUARAT

[Muka Surat 2]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN:

[Muka Surat 3]

USUL-USUL:

Perlantikan Ahli-ahli Jawantankuasa Pemilih bagi
Tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan

[Muka Surat 24]

KANDUNGAN—(Samb.)

USUL-USUL (Samb):

**Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
— Y. B. Tuan Saad bin Haji Man**

[Muka Surat 25]

3 JULAI 1995

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berbekalan.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

3 JULAI 1995

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 3hb Julai 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 8hb Jun, 1995 Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan DiRaja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya di cetak dalam Penyata Rasmi Mesyuarat Parlimen.

(Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong seperti di Lampiran)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak

memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan dalam Penggal Keempat Parlimen Kelapan yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan 1995—Akta A906;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1995—Akta 1995;
3. Akta Kewangan 1995—Akta 531;
4. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995—Akta 532;
5. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995—Akta 533;
6. Akta Kumpulan Wang Simpanan Kereta Api Tanah Melayu (Pembubaran) 1995—Akta 534;
7. Akta Tabung Haji 1995—Akta 535;
8. Akta Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1995—Akta A908;
9. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1995—Akta A909;
10. Akta Penculikan (Pindaan) 1995—Akta A910;
11. Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1995—Akta A911;

3 JULAI 1995

12. Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1995—Akta A912;
13. Akta Penghutang (Pindaan) 1995—Akta A913;
14. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1995—Akta A914;
15. Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan)—Akta A915;
16. Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Pindaan) 1995—Akta A916;
17. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Saba) (Pindaan) 1995—Akta A917; dan
18. Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sarawak) (Pindaan) 1995—Akta A918.

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1994 dan 1995) 1995;
2. Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1995;
3. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 1995;
4. Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 1995;
5. Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 1995; dan
6. Rang Undang-undang Zon Bebas (pindaan) 1995.

Yang Ikhlas,

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya menjemput Setiausaha membaca Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara “30hb Jun, 1995

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
RAKYAT.”**

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya dalam Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BENCANA KEBOCORAN GAS—
PERSEDIAAN MENGATASI**

1. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana projek pembekalan gas asli ke rumah-rumah yang dirancang oleh PETRONAS telah berjalan. Adakah PETRONAS sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya berlaku kes kebocoran dan kebakaran paip gas asli di bawah tanah seperti mana berlaku di Jepun baru-baru ini.

Timbalan Menteri di jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Untuk makluman Yang Berhormat, projek pembekalan gas ke rumah dan industri di laksanakan oleh Gas Malaysia Sdn. Bhd. (GMSB), sebuah syarikat usaha sama. Gas telah mula dibekalkan sejak tahun 1992 dan setakat Jun 1995, GMSB telah membekalkan gas ke industri-industri di beberapa kawasan seperti Shah Alam dan Kelang di Selangor pada tahun 1993 dan Pasir Gudang, Johor pada tahun 1994.

Kerja-kerja pembinaan sedang dibuat untuk membekal gas ke Kluang dan Petaling Jaya. Sebuah projek perumahan di Shah Alam telah bersetuju untuk dibekalkan dengan gas dan GMSB sedang giat berbincang dengan pihak yang berkenaan untuk melaksanakan bekalan ke rumah-rumah di kawasan lain.

Untuk mengelak kemungkinan kebocoran paip gas, GMSB mengambil

langkah pencegahan awal, bermula dari peringkat kejuruteraan terperinci dan pembinaan sehingga ke aktiviti operasi dan penyelenggaraan.

Di antara langkah-langkah yang diambil di peringkat awal adalah seperti berikut:

- (a) Pembinaan, pemeriksaan dan ujian terhadap paip dibuat menurut piawaian antarabangsa dan dilakukan oleh pekerja yang diiktiraf kelayakan mereka;
- (b) ujian yang rapi dilakukan ke atas paip sebelum dimula tugas; dan
- (c) paip gas tekanan tinggi tidak dibina di bawah bangunan.

Langkah-langkah utama di dalam operasi dan penyelenggaraan termasuk:

- (a) Sistem penyelenggaraan yang berjadual dan sistematik dijalankan ke atas sistem rangkaian paip gas;
- (b) rondaan ke atas semua rangkaian paip gas dibuat setiap hari;
- (c) sekiranya ada kebocoran, gas akan mudah dikesan kerana telah dicampur dengan pembau unik (odorant). Kebocoran boleh dilaporkan melalui sistem telefon bebas kepada GMSB untuk tindakan selanjutnya;
- (d) Bilik Kawalan Operasi (Operation Control Centre) beroperasi 24 jam;
- (e) Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) sentiasa dipertingkatkan untuk menangani sebarang kecemasan dalam masa yang singkat; dan

- (f) menyediakan perkhidmatan penyeliaan dan khidmat nasihat ke atas kerja-kerja pembinaan yang melibatkan sistem rangkaian paip gas.

Di samping langkah-langkah yang diambil oleh GMSB, operasi pembekalan gas asli adalah tertakluk kepada Akta Bekalan Gas 1993 serta Peraturan-peraturan Bekalan Gas yang sedang digubal. Peraturan-peraturan tersebut akan mengandungi secara terperinci langkah-langkah dan prosedur yang perlu diambil untuk mengawal keselamatan paip dan persekitarannya.

Sekiranya berlaku kebocoran, sistem "SCADA" atau Supervisory Control And Data Acquisition yang akan dipasangkan oleh GMSB dapat mengesan sebarang penurunan tekanan gas yang luar biasa, iaitu tanda bahawa terdapat kebocoran dalam sistem paip. Sistem tersebut akan mengasingkan sektor yang terlibat secara automatik dengan segera.

Untuk makluman Yang berhormat, ciri-ciri gas yang dibekal kepada pengguna melalui saluran terus di negara ini adalah berbeza daripada yang terdapat di negara lain. Di Malaysia, gas yang dibekalkan adalah jenis metana yang jauh lebih ringan daripada gas petroleum cecair (LPG) yang terlibat di dalam kes di Korea tempoh hari. Jika terdapat kebocoran, gas metana tidak akan terkumpul dan hanya akan terus meresap ke udara. Dengan ini, kemungkinan kejadian letupan atau kebakaran seperti di Korea tidak akan berlaku.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mendapat faham bahawa

pembekalan gas ini akan dibawa juga ke negara Thai. Adakah pembekalan gas ini serentak dengan negara kita Malaysia dan adakah suatu perjanjian, jika sekiranya berlaku apa-apa yang berkaitan dengan apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Belum ada cadangan lagi.

ENAKMEN DEWAN BANDARAN—KAJIAN

2. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Enakmen Dewan Bandaraya (The Town Board Enactment) iaitu F.M.S. Cap. 137, dapat dikaji semula dan dibuat beberapa pindaan untuk menyelaraskan undang-undang dan (by-laws) bagi semua pihak berkuasa tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, Enakmen Lembaga Bandaran, dengan izin, The Town Board Enactment, ataupun F.M.S. Cap 137 pada keseluruhannya telah pun dimansuhkan apabila kerajaan-kerajaan negeri mula menerima pakai Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Bagaimanapun, ada segelintir kerajaan negeri yang belum menerima pakai semua seksyen dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), maka mereka masih lagi menggunakan Cap. 137 ataupun Enakmen Lembaga Bandaran Negeri masing-masing.

Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Persekutuan sedang

mengambil langkah-langkah untuk menentukan bahawa kerajaan-kerajaan negeri yang masih belum menerima pakai sepenuhnya seksyen-seksyen di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa akan berbuat demikian secepat mungkin. Dengan itu, soal supaya dikaji semula dan dibuat pindaan terhadap Cap. 137 tidak berbangkit lagi.

PROGRAM RAKAN MUDA— SAMBUTAN

3. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan Program Rakan Muda mempunyai promosi yang baik dan sambutannya pula meluas dan memberangsangkan. Terdapat beberapa komen yang menyatakan program tersebut menggalakkan pergaulan bebas di kalangan remaja lelaki dan perempuan:

- (a) adakah kementerian sedar tentang komen tersebut; dan
- (b) adakah pihak penganjur dapat memastikan remaja tidak terlibat dengan gejala pergaulan bebas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Puan Shahrizat binti Abdul Jalil): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan memang sedar mengenai adanya komen mengenai pergaulan bebas di kalangan remaja lelaki dan perempuan. Pergaulan bebas memang berlaku di kalangan masyarakat di pelbagai peringkat seperti di sekolah-sekolah dan tidak dianggap sebagai perbuatan yang kurang sopan, melainkan terdapat unsur-unsur negatif seperti maksiat dan perbuatan yang tidak bermoral.

Dalam melaksanakan program Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memastikan supaya kejadian tidak bermoral dan negatif tidak berlaku di kalangan remaja lelaki dan perempuan semasa aktiviti-aktiviti tersebut dianjurkan di pelbagai peringkat. Usaha-usaha seperti pengawasan dan kawalan kepada pelaksanaan setiap program dan aktiviti sentiasa diberi keutamaan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini saya ada membaca mass media mengatakan bahawa program Rakan Muda ini tidak diterima di Negeri Kelantan. Apakah penjelasan daripada kementerian?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan meneruskan segala program yang dirangka untuk Kerajaan Negeri Kelantan, tetapi buat masa kini, kementerian menganjurkannya melalui Badan-badan Bukan Kerajaan dan pihak-pihak swasta.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa yang mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti program Rakan Muda ialah daripada kakitangan kerajaan dan juga penuntut-penuntut sekolah dan response daripada pemuda dan pemudi dari kampung atau luar bandar itu tidak berapa baik?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sedang mengadakan satu kempen untuk meningkatkan lagi pendaftaran untuk program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, kita menganjurkan program ini untuk

semua yang ada, tak kiralah sama ada mereka ini pegawai muda daripada kerajaan atau daripada mana-mana peringkat, asalkan mereka ini jatuh di bawah definisi belia, iaitu 15 hingga ke 40 tahun. Jadi, sesiapa sahaja yang sudi melibatkan diri dalam aktiviti program Rakan Muda, kita, dengan izin, welcome them.

Tuan Ng See Tiong: Adakah pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah yang timbul yang telah saya sebut tadi dan juga keadaan yang tidak berapa sihat macam ini, adakah langkah-langkah atau cara untuk mengatasinya?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Persoalan ini favourite nampaknya. Ada lagi. Tuan Hanipah, silakan.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah benar yang mengatakan Rakan Muda ini tidak terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum. Jika wujudnya keadaan begini, apakah langkah-langkah yang patut dan sedia diambil oleh pihak kerajaan?

Puan Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, anggapan itu adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, pihak kementerian dan pihak-pihak berkenaan sedang mengambil langkah untuk meningkatkan lagi penyertaan semua kaum yang ada di Malaysia supaya menjalankan aktiviti di bawah program Rakan Muda.

KESALAHAN JALAN RAYA— LANGKAH MENDISIPLINKAN PEMANDU

4. Puan Sri Sarasa Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) dengan jelas akan cadangan untuk menaikkan kadar kompaun denda kerana kadar yang dikenakan sekarang tidak berkesan lagi; dan
- (b) apakah pendapat kerajaan mengenai cara-cara lain yang lebih digunakan di negara-negara lain seperti penggantungan lesen sementara atau kebenaran memandu dengan bersyarat dan lain-lain cara selain daripada denda bagi menangani masalah pengguna-pengguna jalan raya yang tidak mengikut peraturan dan berdisiplin di jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar kompaun yang sedia ada. Kompaun maksimum yang sedia ada ialah RM300 bagi setiap kesalahan.
- (b) Untuk menangani masalah pengguna-pengguna jalan raya yang tidak mengikut peraturan dan tidak berdisiplin di jalan raya, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) meneruskan program pendidikan keselamatan jalan raya melalui ceramah, kempen dan seminar;

- (ii) m e n j a l a n k a n penguatkuasaan secara berterusan dan dengan lebih tegas;
- (iii) memperkemaskan lagi sistem KEJARA supaya ianya lebih berkesan; dan
- (iv) menggantung lesen memandu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji semula untuk melaksanakan sistem lesen memandu bersyarat yang akan dikenali sebagai Lesen memandu Pra-sah (Probationary Driving Licence), dengan izin, kepada pemegang lesen memandu baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

KESALAHAN TRAFIK—CARA MEMBAYAR KOMPAUN

5. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pesalah-pesalah jalan raya boleh membayar kompaun di jabatan yang berkenaan tanpa mengaku salah di mahkamah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, mana-mana orang yang telah dikeluarkan saman kerana melakukan kesalahan trafik, ianya tertakluk kepada keadaan sama ada kesalahan tersebut jatuh dalam kategori yang

boleh dikompaunkan atau tidak. Sekiranya kesalahan yang dilakukan tidak boleh dikompaunkan, orang yang kena saman dikehendaki membayar samannya di mahkamah. Sekiranya kesalahan tersebut dalam kategori yang boleh dikompaunkan, yang kena saman mempunyai dua pilihan iaitu boleh membayar kompaun di balai polis ataupun membuat pilihan untuk membayar di mahkamah.

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974— PENGUATKUASAAN

6. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa ramaikah peladang yang menggunakan bahan kimia seperti racun rumpai dan racun serangga ditimpa kemalangan sehingga, maut kerana keracunan;
- (b) komoditi tanaman apakah mencatatkan kemalangan yang tinggi di negara ini; dan
- (c) apakah langkah kementerian untuk memberi pengetahuan kepada pengguna supaya mereka mengikuti tatacara yang selamat semasa menggunakan bahan kimia yang berisiko kepada nyawa.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan kepada statistik yang dikumpulkan oleh Kementerian Kesihatan terhadap kes-kes yang

dirujuk ke hospital kerajaan dalam 1993, terdapat 528 kes keracunan berbagai-bagai jenis racun perosak akibat kemalangan. Iaitu kemalangan semasa bekerja dan lain-lain kategori kemalangan. Dari jumlah tersebut sebanyak 80 kes berakhir dengan kematian di mana 2 daripadanya adalah kematian semasa bekerja.

- (b) Oleh kerana bahaya 2 kes kematian sahaja yang dilaporkan berlaku akibat kemalangan semasa bekerja dalam tahun berkenaan, maka maklumat tersebut tidak dapat menggambarkan mana-mana sektor komoditi utama yang menyebabkan kemalangan maut.
- (c) Antara langkah penting yang dijalankan oleh kementerian ialah dengan menguatkuasakan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Di bawah akta ini racun perosak yang diimport dan dikilang mestilah terlebih dahulu didaftarkan dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak. Semua racun perosak yang didaftarkan pula dimastikan mempunyai label yang mematuhi kehendak peraturan pelabelan di mana beberapa maklumat penting mengenai racun makhluk perosak tersebut mestilah dinyatakan di atasnya. Ini adalah bagi memastikan para pengguna tahu cara menggunakannya serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil semasa mengendalikannya.

Selain daripada menguatkuasakan akta, kementerian melalui Jabatan Pertanian juga menjalankan aktiviti-aktiviti berikut bagi memastikan racun perosak digunakan dengan cara yang selamat dan berkesan:

- (i) menjalankan khidmat pengembangan dan latihan menerusi ceramah dan latihan program pengembangan yang dijalankan dari masa ke semasa.
- (ii) mengambil bahagian di dalam pameran-pameran bagi menyedarkan orang-ramai betapa pentingnya mengguna dan mengendalikannya racun perosak secara selamat.
- (iii) penyebaran maklumat dalam bentuk poster, risalah, bingkisan di bawah aktiviti kempen penggunaan racun makhluk perosak secara selamat.

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sebahagian orang telah rasa kecewa dalam percintaan dan frustration, dia gunakan racun ini untuk membunuh diri. Adakah pihak kementerian ambil tindakan untuk mengawal dan mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini terlibat dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga boleh jadi Kementerian Belia dan Sukanlah kerana menyentuh tentang belia yang frust. (*Ketawa*)

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat racun-racun yang memberi kesan negatif kepada

peladang-peladang ini dibawa secara haram dari negara-negara jiran terutama daripada negara Thai dan apakah langkah jika sekiranya berlaku pembawaan secara haram ini, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam membanteras penyeludupan seperti itu? Kerana kesan membunuh ataupun kesan-kesan yang lebih negatif ini selalunya di bawa daripada negara jiran.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini, kes ini kita belum dapat kenyataan yang sebenar. Tetapi walau bagaimanapun, memang penyeludupan sering berlaku di sempadan dan kementerian saya sedang mengambil perhatian supaya penguatkuasaan akan ditingkatkan lagi supaya racun-racun yang tidak boleh dibenar masuk ini akan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

DASAR WANITA NEGARA

7. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) sejauh manakah Dasar Wanita Negara yang diluluskan oleh kerajaan pada 1989 telah mencapai matlamatnya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan dasar ini dapat dilaksanakan dengan berkesan agar matlamatnya dapat dicapai sepenuhnya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian matlamat Dasar Wanita Negara

pada umumnya dapat diukur secara tidak langsung dengan meninjau kemajuan wanita yang telah dicapai sehingga hari ini. Tidak dapat dinafikan wanita di negara ini kini berada di tahap yang membanggakan. Wanita seperti juga rakyat lain telah sama-sama menikmati peluang dan faedah dalam pembangunan. Dari segi pendidikan, kadar celik wanita telah meningkat daripada 64% pada tahun 1980 kepada 80% pada tahun 1993. Bilangan wanita yang mendapat pendidikan di peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi juga telah meningkat. Dari segi pekerjaan pula, penyertaan wanita juga telah meningkat dan kadar penyertaan tenaga buruh wanita telah meningkat daripada 44% pada tahun 1980 kepada 47.8% pada tahun 1993. Wanita telah dapat memasuki bidang-bidang yang pada masa dahulu menjadi monopoli kaum lelaki. Dalam bidang politik juga, penyertaan wanita kian terserlah. Ini adalah antara ukuran-ukuran yang boleh kita jadikan sebagai asas untuk mengukur pencapaian Dasar Wanita Negara.

- (b) Selaras dengan matlamat Dasar Wanita Negara, usaha-usaha sentiasa diambil bagi memperkukuhkan jentera bagi merancang, melaksana dan menangani pelaksanaan-pelaksanaan program-program yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pembangunan negara. Antaranya ialah kita telah mewujudkan Bahagian Hal Ehwal Wanita iaitu HAWA yang berfungsi sebagai jentera utama kerajaan

untuk meningkatkan status wanita dalam pelbagai bidang. Usaha-usaha sentiasa diambil ke arah menjadikan HAWA lebih proaktif, cekap dan berketrampilan. Majlis Penasihat Kebangsaan Bagi Integrasi Wanita Dalam Pembangunan Negara juga terus diperkukuhkan agar dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan lagi. Begitu juga dengan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita peringkat negeri dan daerah. Pegawai Penyelaras juga telah dilantik di kementerian-kementerian, di negeri-negeri dan juga di daerah-daerah. Pegawai-pegawai ini berfungsi sebagai saluran bagi penyelarasan maklumat serta maklum balas mengenai impak projek-projek pembangunan di antara HAWA dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Selain daripada itu, pihak NGO digerakkan agar penglibatan mereka dipertingkatkan. Di antara program-program bagi memajukan wanita melibatkan penggabungan tenaga di antara pihak kerajaan dengan NGO serta pihak swasta dilaksanakan. Di antaranya adalah:

- pendidikan dan latihan bagi meningkatkan kemahiran wanita;
- program bagi memberi kesedaran kepada wanita seperti peranan wanita, peluang-peluang untuk diceburi oleh wanita, hak-hak wanita dari segi undang-undang;
- latihan Gender Perspective In Development Planning bagi pegawai-pegawai perancang;

- mengkaji undang-undang dan mengadakan undang-undang baru agar kebajikan dan kesejahteraan wanita terjamin;
- mengadakan program bagi membantu wanita dalam krisis; dan
- mengadakan penyelidikan mengenai hal ehwal dan isu wanita serta mewujudkan pusat sumber maklumat wanita.

Inilah di antara beberapa program yang sedang berjalan dan kita sedang meneliti lagi sekiranya perlu dipertingkatkan atau perlu ditambah di sana sini, kita akan berbuat demikian.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pegawai-pegawai penyelarasan wanita ini telah pun dilantik di semua negeri-negeri di seluruh negara? Kalau ada negeri yang belum diberi perlantikan, apakah kementerian akan mengadakan perlantikan yang segera kepada negeri tersebut?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya di semua kementerian sudah ada pegawai-pegawai penyelarasan ini dan di semua negeri tetapi oleh kerana kadangkala ada pertukaran pegawai-pegawai, maka terdapat juga ada di antaranya sudah tukar, terlupa mereka hendak mengisinya.

Saya sedang meneliti keadaan-keadaan ini dan di mana negeri yang masih belum ada, misalnya jawatankuasa perunding hal ehwal wanita, kita akan wujud. Kalau kerajaan negeri tidak sudi bersama, tak mengapa. Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya soalan tambahan. Menteri tadi telah menerangkan banyak program yang telah dilakukan oleh wanita dan ada juga yang telah diberitahu bahawa peningkatan dalam semua segi boleh dilakukan oleh wanita. Saya ingin bertanya sama ada program-program yang telah dijalankan ini boleh melahirkan sebagaimana yang berlaku di negara-negara international iaitu wanita 'The Iron Lady' dalam masa depan ataupun dalam jangka 2020.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya harap orang lelaki tidak mempunyai tanggapan bahawa wanita ini hendak melebihi orang lelaki sebab cogankata kita ialah "Kerjasama Untuk Kemajuan" iaitu kerjasama di antara wanita dan lelaki. Kalau wanita tidak mahu kerjasama dengan orang lelaki pun susah juga. (*Ketawa*) Sebab, sekarang ini penduduk negara kita sudah berjumlah 49.6% wanita. Jadi, wajarlah kita menerima baik penglibatan wanita, penyertaan wanita dan kita harus juga ingat pepatah yang mengatakan "You educate a woman, you educate the whole family. You educate a man, you educate him alone". (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ramai orang hendak tahu dalam Bahasa Malaysia macam mana bunyinya. Puan Hajah Habshah Haji Osman, sila.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membaca soalan, saya ingin membetulkan ejaan nama saya "Habshah" Tuan Yang di-Pertua dan juga (b) Laut China Selatan, bukan Laut Cina Selatan. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah Soalan No.8.

PENGAWASAN PERAIRAN NEGARA—JUMLAH PERBELANJAAN DAN KEBERKESANAN

8. Puan Hajah Habshah binti Haji Osman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pengurusan dan pengawasan perairan negara supaya masalah perairan laut negara terutama di Selat Melaka selamat dari pembuangan sisa bahan kimia oleh kapal-kapal tempatan dan asing, pelanggaran kapal-kapal, kemasukan pendatang tanpa izin dan penyeludupan; dan
- (b) berapa banyakkannya perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi menyelesaikan masalah pencemaran dan tumpahan minyak oleh kapal asing di Selat Melaka dan Laut China Selatan bagi tahun 1984-1994.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan:

- (a) kerajaan sedang mempertingkatkan pengawasan dan pengesanan kes-kes pelepasan sisa minyak/kimia di perairan Malaysia dan mempertingkatkan masa tindakbalas ke atas kapal-kapal yang terlibat. Selain daripada Jabatan Alam Sekitar, perwakilan kuasa telah juga dibuat mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Perwakilan kuasa

telah juga mengikut peruntukan Akta Alam Sekeliling 1974 kepada agensi-agensi maritim bagi menguatkuasakan kawalan pencemaran marin. Pelaksanaan penguatkuasaan ini pula diselaraskan oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim. Usaha-usaha sedang dibuat untuk mempertingkatkan lagi keupayaan penguatkuasaan yang wujud ini.

Peruntukan undang-undang sedia ada sedang disemak dengan tujuan mempertingkatkan lagi penalti-penalti yang boleh dikenakan bagi kesalahan-kesalahan berkaitan pelupusan buangan minyak dari sisa kimia ke dalam perairan Malaysia. Kerajaan juga sedang berusaha mendapat kerjasama yang baik daripada negara-negara jiran dalam mengatasi masalah pencemaran yang berpunca dari minyak terutamanya dari segi pertukaran maklumat dan pembersihan minyak.

Mengenai pelanggaran kapal-kapal, kemasukan pendatang tanpa izin dan penyeludupan, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengkoordinasikan tindakan-tindakan maritim yang bersepadu melibatkan semua agensi maritim;
- (ii) menempatkan kapal-kapal ronda polis marin di kawasan perairan yang strategik dan perairan bermasalah yang telah dikenal pasti;
- (iii) meningkatkan kerjasama di antara jabatan/agensi maritim khususnya dalam pertukaran maklumat;
- (iv) meningkatkan kerjasama dengan pasukan penguatkuasaan maritim negara jiran dalam menangani masalah maritim bersama seperti:
 - Singapore Police Coast Guard;
 - Polis Republik Indonesia;
 - Royal Thai Marine Police;
 - Polis Di-Raja Brunei Darussalam; dan
 - Polis Filipina.
- (v) mengadakan ceramah kesedaran dengan pengusaha-pengusaha kapal dagang (merchant shipping) dalam hal-hal pencemaran laut, kelanunan (piracy) dan masalah-masalah maritim lain;
- (vi) menangkap dan mendakwa mereka yang melakukan kesalahan dalam mana-mana undang-undang maritim negara;
- (vii) mengadakan dialog dengan nelayan dan penduduk kampung di persisiran pantai dalam membantu menyalurkan maklumat kepada agensi maritim (mata dan telinga kepada kerajaan); dan

- (viii) mewujudkan sistem pengawasan maritim di lokasi yang strategik di sepanjang pantai negara.
- (b) dalam tempoh 10 tahun (1984-1994), dianggarkan sejumlah RM5 juta telah diuruskan oleh kerajaan bagi menyelesaikan tuntutan pembersihan tumpahan minyak yang perpunca dari kapal asing di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Ini tidak termasuk perbelanjaan oleh agensi-agensi maritim dalam kerja-kerja pengawasan dan juga penguatkuasaan.

IJAZAH PALSU—HASIL SIASATAN

9. Puan Hajah Zaleha binti Hussin minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan ada terdapat ijazah-ijazah palsu dari Universiti Al-Azhar, Mesir di negara ini yang telah dapat dikesan oleh pihak kerajaan:

- (a) berapa ramaikan jumlah pemegang-pemegang ijazah palsu dapat di kesan;
- (b) apakah tindakan kerajaan terhadap pemegang-pemegang ijazah palsu Al-Azhar di negara ini; dan
- (c) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung perkara tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pendidikan belum menerima sebarang aduan

secara rasmi mengenai adanya pemegang ijazah palsu dari kalangan siswazah Universiti al-Azhar.

Bagaimanapun, kementerian ini telah menghubungi Jabatan Penuntut Malaysia di Mesir untuk menyiasat perkara ini bagi mendapatkan penjelasan. Pihak Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan tegas sekiranya di dapati pelajar-pelajar Malaysia terlibat dengan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Zainal bin Md. Deros.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 10.

KADAR INFLASI DI ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SABAH/SARAWAK— PERBEZAAN

10. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad (di bawah S. O. 23(2)) minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa kadar inflasi di negara ini berbeza di antara satu negeri khususnya di Sabah dan Sarawak.

4.7.95

32. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa kadar inflasi di Sarawak dan Semenanjung Malaysia sangat berbeza dan jika benar, apakah usaha atau program yang akan dilakukan oleh Kementerian Kewangan supaya tekanan inflasi dapat dikurangkan terhadap rakyat Sarawak khususnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, soalan Tuan Haji Zainal bin Md. Deros sangat jitu kerana permasalahan ini sedang diperkatakan oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pertanyaan mengenai perkara yang sama juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin yang dijadualkan dijawab pada 4hb Julai, 1995, saya memohon untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan itu serentak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, semenjak beberapa tahun yang lalu, sememangnya terdapat perbezaan kadar inflasi di antara Semenanjung Malaysia dengan negeri di Sabah dan Sarawak. Misalnya pada tahun 1992, kadar inflasi di Semenanjung ialah 5.0% berbanding dengan kadar inflasi di Sabah sebanyak 4.5% dan di Sarawak sebanyak 3.4%. Begitu juga pada tahun 1993, inflasi di Semenanjung ialah 3.7%, sementara di Sabah 2.4% dan Di Sarawak 3.5%. Pada kedua-dua tahun tersebut, kadar inflasi di Negeri Sabah dan Sarawak adalah lebih rendah berbanding dengan kadar inflasi di Semenanjung. Walau bagaimanapun, pada tahun 1994, kadar inflasi di Semenanjung kekal pada paras 3.7% dan di Sabah 3.3%, tetapi kadar inflasi di Sarawak meningkat lebih tinggi pada paras 4.3%.

Dari analisa yang dibuat, faktor utama yang menyebabkan peningkatan kadar inflasi di Sarawak pada tahun 1994 adalah peningkatan ketara yang dicatatkan bagi indeks harga kumpulan makanan sebanyak 6.0%, manakala indeks harga kumpulan pengangkutan

meningkat 6.4%. Memandangkan jumlah wajaran bagi kedua-dua kumpulan ini merupakan 50.5% daripada indeks harga pengguna bagi Negeri Sarawak, peningkatan harga kedua-dua kumpulan utama ini sudah tentu memberi implikasi yang besar kepada peningkatan inflasi negeri Sarawak secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan harga bagi kumpulan makanan bukan sahaja di alami di Sarawak, malahan ia juga merupakan penyebab utama kepada peningkatan kadar inflasi di seluruh Malaysia. Faktor-faktor yang telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada peningkatan harga makanan adalah seperti berikut:

- (i) sebahagian dari kawasan pertanian, khususnya kawasan tradisi penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, telah dimajukan sebagai kawasan kediaman, industri, rekreasi dan pembangunan infrastruktur;
- (ii) pada masa negara sedang menghadapi kekurangan bekalan bahan-bahan makanan seperti ikan dan sayur-sayuran, terdapat juga bahan-bahan makanan tersebut yang dieksport ke luar negara, terutamanya ke Singapura, disebabkan harga yang lebih tinggi ditawarkan;
- (iii) sistem pemasaran bahan-bahan makanan yang sedang diamalkan oleh pemborong dan peruncit juga didapati kurang cekap. Struktur pasaran yang lebih bercorak 'oligopoly' dan sistem pemasaran secara 'consignment', dengan izin, yang diamalkan oleh pemborong telah mendorong peningkatan harga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan kadar inflasi yang paling rendah, kerajaan akan terus melaksanakan strategi dan langkah-langkah jangka pendek, sederhana dan panjang untuk mengatasi tekanan inflasi. Antara langkah-langkah utama adalah:

- (i) mengawal peningkatan dalam permintaan agregat;
- (ii) menggalakkan tabungan dalam negeri;
- (iii) menyediakan peruntukan bagi pembangunan infrastruktur dan latihan sumber manusia dengan tujuan mengurangkan kekangan penawaran dan meningkatkan keupayaan dan produktiviti pengeluaran;
- (iv) menggalakkan pengeluaran bahan-bahan makanan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM600 juta di bawah Tabung Makanan bagi membiayai aktiviti-aktiviti tersebut;
- (v) menghapuskan dan mengurangkan cukai import ke atas lebih 3,600 barang-barang khususnya makanan dan bahan-bahan untuk makanan;
- (vi) memperbaiki sistem penyebaran maklumat tentang perubahan dan perbezaan harga barangan agar pengguna membuat pilihan yang bijak;
- (vii) mempertingkatkan penguatkuasaan kawalan ke atas barang-barang kawalan dan tanda harga;
- (viii) menimbang semula peraturan-peraturan dan syarat-syarat

import makanan yang mungkin menyebabkan kekangan bekalan dan kenaikan kos; dan

- (ix) membangunkan peranan persatuan-persatuan pengguna demi meningkatkan kesedaran hak pengguna.

Gabungan langkah-langkah ini telah menghasilkan kejayaan di mana kadar inflasi bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini (Januari hingga Mei, 1995) telah dapat dikawal pada paras yang membanggakan iaitu 3.4% bagi Semenanjung, manakala paras yang jauh lebih rendah dicatatkan oleh Sabah dan Sarawak iaitu 2.9%.

Di samping itu, seperti yang ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan kempen anti inflasi yang bertemakan Inflasi Sifar pada 2hb Jun, 1995 untuk memerangi inflasi secara habis-habisan. Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengisytiharkan hari Sabtu pertama setiap bulan, mulai 1hb Julai ini sebagai Hari Inflasi Sifar, iaitu yang telah dilancarkan oleh Yang amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Kota Kinabalu. Pada hari tersebut, semua peniaga dinasihatkan mengadakan jualan murah dengan menawarkan barangan keperluan utama pada kadar berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, puas hati dengan jawapan yang panjang lebar itu.

TIME HIGHWAY RADIO— TUJUAN PENUBUHAN

11. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah tujuan penubuhan Time Highway Radio;

- (b) berapakah jumlah pendapatan iklan yang diperolehi oleh Time Highway Radio sejak ianya beroperasi; dan
- (c) dari 24 jam waktu siaran Time Highway Radio, berapa jamkah ianya digunakan untuk memaklumkan kepada pendengar mengenai keadaan lalulintas di seluruh negara.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tujuan penubuhan Time Highway Radio ialah untuk menyalurkan maklumat kepada pengguna-pengguna lebuh raya di samping memberi hiburan kepada pendengar-pendengarnya.
- (b) Jumlah hasil iklan yang dipungut oleh Time Highway Radio setakat ini ialah sebanyak RM6,019,000.
- (c) Jumlah maklumat mengenai lalulintas yang disiarkan oleh Time Highway Radio ialah sebanyak 9.3%. Keadaan ini berlaku oleh sebab setakat ini Time Highway Radio hanya beroperasi di kawasan Lembah Kelang sahaja. Namun perluasannya di kawasan selatan baru sahaja dilancarkan pada 29hb Jun yang lalu. Peratus itu akan meningkat apabila Time Highway Radio beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Time Highway Radio ditubuhkan dengan tujuan untuk memberikan maklumat mengenai

kedudukan lalulintas di lebuh raya dan juga hiburan kepada pendengar-pendengarnya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kadang kala kalau kita buka Time Highway Radio, lainlah daripada jam 2.00 pagi hingga 6.00 pagi dan 2.00 petang hingga 4.30 petang, seolah-olah kita merasakan time Highway Radio ini dipancarkan sama ada di London atau pun di New York. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya Time Highway Radio ini benar-benar dipancarkan di Kuala Lumpur?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, memanglah kebelakangan ini gema kontradiksi Time Highway Radio berkaitan dengan persoalan bahasa—antara bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Kita akui radio ini walaupun diberi syarat supaya penyiaran Bahasa Malaysia sebanyak 40%, namun hanya 25% sahaja yang disiarkan. Oleh hal demikian, berlakulah apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator Rahim. Hari ini kita telah mengambil tindakan tegas, kalau tidak memenuhi syarat yang telah kita beri, maka kerajaan akan mengambil tindakan untuk menarik balik lesen yang telah kita berikan kepada syarikat ini.

PENDATANG ASING VIETNAM—RUSUHAN DI KEM TAHANAN SUNGAI BESI

12. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Perdana menteri menyatakan sebab-sebab mengapa berlakunya rusuhan pendatang Vietnam yang tinggal di Kem Tahanan Pendatang Asing Vietnam, Sungai Besi pada 4hb Jun, 1995, dan nyatakan juga adakah unsur-unsur jenayah yang berlaku atau wujud

dalam khemah tahanan yang menampung lebih kurang 4,000 pendatang Vietnam ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, tarikh rusuhan yang berlaku di Kem Sungai Besi ialah pada 5hb Jun, 1995 dan bukan 4hb Jun seperti yang ditimbulkan. Rusuhan ini adalah berpunca daripada usaha kerajaan untuk membina pagar berangkai di dalam kem tersebut bagi tujuan mengasingkan kumpulan 'hardcore' yang bermati-matian enggan pulang ke Vietnam daripada penghuni yang diistilahkan sebagai kumpulan yang bertanggungjawab. Ini penting supaya langkah kerajaan untuk menghantar pulang pendatang haram Vietnam ini tidak dihalang oleh kumpulan 'hardcore' ini. Selain dari itu, projek pemagaran itu juga akan menjadikan keadaan keselamatan di kem tersebut lebih terjamin.

Selain daripada bantahan bagi pembinaan pagar di dalam kem tersebut, pendatang haram Vietnam ini juga cuba menunjukkan bantahan bagi mendapat simpati dunia terhadap rancangan kerajaan untuk menghantar mereka pulang ke Vietnam sebelum 31hb Disember, 1995 di bawah program, dengan izin, Orderly Deportation Program yang telah dipersetujui oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang pelarian iaitu UNHCR. Mereka ini masih menaruh harapan untuk dihantar menetap ke negara ketiga yang mereka anggap dapat memberikan mereka perlindungan, walaupun permohonan mereka telah ditolak oleh negara-negara berkenaan di atas sebab mereka ini tidak boleh diiktiraf sebagai pelarian ataupun 'refugees', dengan izin melalui proses tapisan 'refugees status determination', dengan izin.

Mengenai dengan soalan yang sama, soalan sama ada wujudnya unsur-unsur jenayah di kem berkenaan, ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini belum ada unsur-unsur seumpama ini di kem tersebut.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan terdapat banyak senjata-senjata berbahaya ketika polis mengadakan operasi tempoh hari, apakah Yang Berhormat tidak menjangkakan bahawa ada unsur-unsur lain daripada negara kita yang cuba menyeludup senjata masuk ke kem-kem tersebut untuk menimbulkan huru-hara di sana?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, senjata-senjata yang telah dirampas itu merupakan senjata yang dibuat secara manual, yang tidak begitu dianggap sampai ke tahap ada sokongan daripada luar, maka pihak Pasukan Polis tidak berfikir bahawa ada apa-apa unsur dari luar telah campurtangan.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seramai 4,000 pendatang haram yang berada di kem tahanan Sungai Besi, tetapi baru-baru ini saya lalu, saya dapati tidak ramai lagi yang berdiri di atas rumah masing-masing, adakah pendatang haram ini telah dihantar ke tempat lain ataupun telah dihantar ke negeri mereka sendiri iaitu di Vietnam?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang telah diiktiraf sebagai 'refugees' ataupun status telah diiktirafkan, sebahagian daripada mereka telahpun dihantar ke negara yang menerima mereka.

Bagi kumpulan-kumpulan yang cuba menggunakan kekerasan, beberapa orang ketua telah ditangkap oleh pihak polis dan kumpulan yang 'hardcore' itu telah pun diasingkan di tempat-tempat di mana pihak berkuasa telah membuat pagar yang lebih kukuh, di mana mereka yang merupakan 'hardcore' ini tidak ada kesempatan lagi untuk berdiri di luar, hanya mereka yang lebih bertanggungjawab mempunyai kebebasan sedikit di dalam kem itu.

Tuan Tan Son Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa ramaikah anak-anak Vietnam telah pun dilahirkan di kem pelarian Vietnam di Sungai Besi sejak kem ini diwujudkan dan apakah taraf kerakyatan anak-anak Vietnam ini? Adakah ibu bapa-ibu bapa anak-anak Vietnam ini berkahwin secara sah atau sebaliknya?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat, saya pernah menjawab soalan ini di Dewan sama ada di Dewan yang mulia ini ataupun Dewan Rakyat, ada satu figure pernah saya beri, tetapi hari ini saya tidak mempunyai angka itu.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, sejak kem ini ditubuhkan seramai 252,634 orang pelarian Vietnam telah pun dimasukkan ataupun dikendalikan oleh negara kita, tidak semestinya kem ini. Antara 252,000 lebih itu 247,986 telah pun dihantar kepada negara yang ketiga, dan semua mereka itu telah dikenal pasti sebagai pelarian, cuma tinggal 4,000 lebih yang ada pada hari ini. Pada masa yang sama 4,647 pelarian Vietnam atau pendatang tanpa izin ini telah dihantar pulang. Dan mereka yang ada dalam kem itu, kerana mereka datang secara tidak mengikut

undang-undang yang teratur dan semua pendatang Vietnam ini tidak mempunyai sebarang tuntutan taraf kerakyatan, maka anak-anak yang dilahirkan itu pun tidak ada tuntutan kerakyatan di bawah Perlembagaan Persekutuan kita.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa tidak apalah kita pergi kepada soalan lain. Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran.

Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

**GERAKAN KOPERASI—
PENYERTAAN WANITA**

13. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin (di bawah S. O. 23(2)) minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah benar bahawa penyertaan wanita di dalam gerakan koperasi yang ahlinya bercampur adalah membanggakan dan juga adakah benar bahawa penyertaan wanita di tahap membuat keputusan dan penentu dasar di dalam koperasi tersebut amat berkurangan. Jika benar, apakah program kementerian untuk memperbaiki keadaan tersebut.

- (a) adakah kementerian bercadang berikutan dengan keperluan Akta Koperasi 1993, di masa meminda perlembagaan koperasi yang berkenaan memperuntukkan kerusi yang tertentu di dalam Lembaga Pengarah bagi diisi oleh wanita; dan

- (b) mengikut maklumat yang ada, pengembang koperasi dari kalangan wanita amatlah kurang jumlahnya oleh itu adakah kerajaan bercadang untuk melantik pengembang Koperasi Wanita, mungkin di peringkat negeri-negeri dulu, bagi mempercepatkan pembangunan dan penglibatan wanita di dalam gerakan koperasi negara.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memanglah benar bahawa walaupun penyertaan wanita di dalam gerakan koperasi membanggakan, penyertaan mereka di tahap membuat keputusan dan penentu dasar adalah tidak begitu tinggi. Kementerian tidak bercadang meminda Akta Koperasi untuk memperuntukkan kerusi yang tertentu bagi diisi oleh wanita di dalam lembaga pengarah. Kementerian merasa lebih baik diserahkan kepada anggota-anggota koperasi sendiri untuk memilih sesiapa mereka memikih sesuai termasuklah wanita.
- (b) Terdapat 14 orang pengembang wanita yang dilantik untuk tahun 1995 daripada 248 orang kesemuanya. Bilangan pengembang wanita akan ditambah jika keadaan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Pengembang wanita atau pengembang koperasi?

Dr. Goh Cheng Teik: Maaf, pengembang koperasi wanita. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada soalan tambahan.

HOSPITAL NUCLEUS H314 DAN H93—JUMLAH SELURUH NEGARA

14. Tuan Frankie Chong Yu Chee minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa buahkah hospital yang berkonsep nucleus berjenis H314 dan H93 yang telah dan akan dibina di seluruh negara; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa kakitangan hospital seperti jururawat, doktor dan pakar akan mencukupi di hospital-hospital nucleus ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam kerajaan telah membina 12 hospital berkonsep nukleus. Daripada jumlah ini 6 hospital adalah jenis H314 dan 5 hospital jenis H93. Sebuah lagi hospital ini adalah jenis H108.

Enam hospital nukleus jenis H314 atau mempunyai 314 katil adalah hospital-hospital berikut:

- (i) Hospital Kulim
- (ii) Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang
- (iii) Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- (iv) Hospital Segamat, Johor
- (v) Hospital Batu Pahat, Johor
- (vi) Hospital Miri, Sarawak

Hospital-hospital nukleus jenis H93 atau mempunyai 93 katil adalah:

- (i) Hospital Sungai Siput, Perak
- (ii) Hospital Sabak Bernam, Selangor
- (iii) Hospital Port Dickson, Negeri Sembilan
- (iv) Hospital Kulai Johor
- (v) Hospital Sipitang, Sabah.

Sebuah hospital nukleus jenis H108 dengan mempunyai 109 katil adalah dibina di Wilayah Persekutuan, Labuan. Semua hospital ini sudah beroperasi dan kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk membina hospital jenis yang sama dimasa akan datang.

- (b) Kementerian Kesihatan memang sentiasa prihatin terhadap keperluan kakitangan di hospital termasuk di hospital nukleus. Bagi memastikan kakitangan di hospital nukleus adalah mencukupi, kementerian telah mengambil beberapa tindakan seperti memberi keutamaan bagi kakitangan yang secara sukarela untuk berpindah dan bertugas ke hospital nukleus, membuat agihan kakitangan (deployment of staff), dengan izin, dari hospital yang berdekatan ke hospital nukleus, mendapatkan khidmat dari jururawat dan doktor secara kontrak dari luar negara dan sebagainya.

Dari segi perkhidmatan kepakaran pula, bagi hospital yang tidak mempunyai pakar,

maka pakar dari hospital yang berhampiran akan datang melawat dan memberi perkhidmatan ke hospital nukleus yang berkenaan secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada soalan tambahan? Ahli-ahli Yang Berhormat, kita belum selesai lagi kerana kita bermula tadi pada jam 2.40. Jadi, kita akan tamat Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut ini pada pukul 3.40.

FELCRA JONGKOK BATU 1 HULU TERENGGANU

15. Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah benar dakwaan oleh 38 peserta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Jongkok Batu 1, Hulu Terengganu yang mendakwa sehingga kini mereka tidak pernah menikmati hasil walaupun tanah mereka dimajukan dengan tanaman kelapa sawit oleh lembaga itu sejak 13 tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, penjelasan kepada soalan di atas perlu dilihat dari segi sejarah asal pembukaan rancangan tersebut oleh FELCRA dan status peserta rancangan berkenaan seramai 38 orang sebagaimana yang dibangkitkan.

Projek FELCRA Jongkok Batu, asalnya ialah Rancangan Tanah Terkawal Darat Chemiah, Jongkok Batu, Kerajaan Negeri yang dikurniakan kepada penduduk tempatan seramai 38 orang. Peserta-peserta rancangan ini telah gagal mamajukan rancangan tersebut maka

kerajaan negeri telah menyerahkan kepada FELCRA untuk dimajukan. Disebabkan peserta-peserta ini gagal membayar premium kepada kerajaan negeri, maka peserta-peserta ini telah dibatalkan pemilikan mereka oleh kerajaan negeri. Jawatankuasa Tanah Daerah juga telah memutuskan supaya peserta-peserta bagi rancangan ini ditemu duga semula. Walau bagaimanapun, peserta-peserta yang telah dibatalkan ini bolehlah membuat permohonan semula ditemu duga.

JALAN BEAUFORT- MENUMBOK—PEMBINAAN

16. Datuk Johan B.O.T. Ghani minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jalan Beaufort-Menumbok akan dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya (Tuan Yong Khoon Seng): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menaikkan taraf jalan raya Beaufort-Menumbok termasuk dalam senarai projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam sehingga kini. Kerja-kerja rekabentuk jalan yang terlibat telah mencapai 95% siap dan di peringkat akhir semakan. Mengikut rancangan, tender dijangka dapat dipanggil selewat-lewat pada awal bulan Oktober 1995 dan kerja-kerja pembinaan dijangka dapat dimulakan pada bulan Disember tahun ini juga.

ETIKA KERJA AHLI PENTADBIRAN KERAJAAN

17. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab mengapa perlu diadakan Etika Kerja

Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri dan Setiausaha-Setiausaha Parlimen, dan nyatakan juga pantang larang etika kerja.

5.7.95

18. Tuan Michael Bong Tiam Joon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Etika Kerja yang akan dilaksanakan dapat mengatasi permasalahan seperti:

- (a) menjalankan perniagaan peribadi
- (b) terlibat dalam membuat keputusan yang bercanggah kepentingan; dan
- (c) berkelakuan tidak sopan (berkhalwat) dan jika ya, adalah Etika Kerja itu akan mempunyai kuatkuasa undang-undang terhadap Ahli Pentadbiran Kerajaan jika melakukan penyelewengan dan kesalahan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan ini bersama-sama soalan Yang Berhormat Tuan Michael Bong Thiam Joon pada 5hb Julai, 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kod Etika bagi anggota-anggota pentadbiran adalah merupakan garis panduan kepada anggota-anggota pentadbir dalam melaksanakan tugas mereka dan dalam menentukan apa yang boleh dan tidak boleh dibuat termasuk laku peribadi mereka.

Langkah memperkenalkan etika tersebut merupakan pengukuhan kepada garis panduan yang sedia ada tetapi tidak tertulis sebelum ini. Ianya bertujuan supaya anggota-anggota pentadbiran faham akan tanggungjawab mereka.

Di antara peraturan-peraturan yang terdapat di dalam Kod Etika itu ialah mengenai tanggungjawab bersama anggota-anggota pentadbiran, tata-kelakuan yang boleh menjatuhkan imej sendiri dan kerajaan yang wajar dielakkan, larangan terlibat dalam perniagaan, perisytiharan harta, prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang boleh menimbulkan percanggihan kepentingan dan sebagainya.

Draf Kod Etika itu sedang diteliti oleh sebuah jawatankuasa peringkat menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Anggota-anggota pentadbiran yang melanggar kod etika itu boleh dikenakan tindakan mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada.

PROFESION PERGURUAN— LANGKAH MENGAKAJI SEMULA SISTEM KENAIKAN PANGKAT

18. Puan Kian Sit Har minta Menteri Pendidikan menyatakan profesion guru di negara ini. Malaysia ialah sebuah negara yang sedang membangun, yang mana ia memerlukan lebih ramai para pendidikan untuk mendidik generasi yang akan datang. Namun begitu telah terdapat petanda semakin ramai muda-

mudi hari ini yang kurang berminat terhadap profesion ini. Adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan seperti:

- (a) mengkaji peluang dan sistem kenaikan pangkat guru; dan
- (b) mengkaji dan menyelaraskan semula sistem gaji guru.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan telah menubuhkan pasukan kerja untuk mengkaji kemungkinan menambahkan peluang kenaikan pangkat dan memperkembangkan sistem kenaikan pangkat guru yang ada sekarang. Hasilnya akan dirundingkan dengan agensi pusat sebelum dilaksanakan.

Sistem gaji guru telah ditentukan setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah membandingkannya dengan profesion lain di negara ini. Namun demikian kementerian sedang menimbang skim guru bukan siswazah dinaikkan kepada taraf diploma yang mana skim gaji akan menjadi lebih baik daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Dol bin Dollah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

PEMBUANGAN SISA MINYAK — JUMLAH KES

19. Tuan Hanipah bin Ahmad (di Bawah S. O. 23(2)) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapa buah kapal asing yang telah dikenal pasti membuang

sisanya minyak di perairan negara kita; dan

- (b) apakah tindakan yang dikenakan kepada pemilik kapal tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Dato' Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Sejak bulan Januari, 1995 hingga 10hb Jun, 1995 sebanyak 22 kes pencemaran yang berpunca daripada kapal-kapal asing telah dilaporkan berlaku di perairan Malaysia.
- (b) Sebanyak 4 buah kapal telah didakwa di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN—KEBERKESANAN

20. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh mana keberkesanan sejak PPRT dilaksanakan setakat ini untuk membasmi kemiskinan; dan
- (b) jumlah wang peruntukan yang terlibat dalam PPRT setakat ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilaksanakan oleh kerajaan semenjak tahun 1989. Dengan pelaksanaan program ini kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan

golongan termiskin dari 4% dalam tahun 1990 kepada 3% dalam tahun 1993. Kadar ini dijangka akan terus menurun kepada 0.8% dalam tahun 2000. Dengan wujudnya program ini keluarga-keluarga yang dianggap sebagai termiskin telah didaftarkan dalam Daftar Asas Keluarga Termiskin dan telah disediakan dengan berbagai jenis program dan bantuan untuk keperluan seisi keluarga dengan tujuan supaya bantuan ini dapat meningkatkan pendapatan keluarga serta mutu kehidupan mereka.

- (b) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sebanyak RM1.76 ribu juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program-program PPRT.

GURU PAKAR—JUMLAH YANG DILANTIK

21. Tuan N. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah guru pakar yang dilantik mengikut mata pelajaran sehingga sekarang.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Berhormat, sehingga kini di kalangan guru pakar yang telah dilantik adalah seperti berikut:

<i>Gred</i>	<i>Bilangan</i>
DG3 ke-DG2	124 orang
DG6 ke-DG5	162 orang

**PENDERA KANAK-KANAK —
HUKUMAN LEBIH BERAT**

22. Puan Hajah Rahmah binti Salleh minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan bercadang memberi hukuman yang lebih berkesan atau lebih berat lagi kepada pendera kanak-kanak yang melibatkan kematian bersabit dengan penderaan itu dan juga kepada perogol-perogol yang kejam dan ganas.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar tentang saranan berbagai pihak dikenakan hukuman yang lebih berat terhadap pendera kanak-kanak. Justeru itu langkah-langkah tertentu akan dan telah diambil untuk membincang serta meneliti perkara ini. Jika perlu dan bersesuaian, tindakan akan diambil untuk meminda undang-undang yang ada bagi tujuan tersebut. Di samping itu usaha-usaha akan terus dilaksanakan untuk mengukuhkan unit kekeluargaan dan menyedarkan serta mendidik orang ramai tentang pentingnya ikatan kekeluargaan dalam memberi jagaan dan perlindungan yang sempurna kepada kanak-kanak, ibu bapa yang mengalami krisis atau tekanan hidup diberi khidmat kaunseling demi untuk kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 51 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

**PERLANTIKAN AHLI-AHLI
JAWATANKUASA PEMILIH
BAGI TEMPOH PENGGAL
PERTAMA, PARLIMEN
KESEMBILAN**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Chong Kah Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik manjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan:

- (i) Y.B. Datuk K. Vijayanathan;
- (ii) Y. B. Tuan Ding Seling;
- (iii) Y. B. Tuan Rahim bin Baba;
- (iv) Y. B. Dr Ng Yen Yen.

Menteri Pembangunan Usahawan (Dato' Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Di putuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan:

- (i) Y.B. Datuk K. Vijayanathan;
- (ii) Y. B. Tuan Ding Seling;
- (iii) Y. B. Rahim bin Baba;
- (iv) Y. B. Dr Ng Yen Yen.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.42 ptg.

Tuan Saad bin Haji Man: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormat dan takzimnya mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong, Tuanku Jaafar Ibnu Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman yang telah berkesan membuka Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada hari Khamis 8hb Jun 1995 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Usul saya adalah seperti berikut:

" Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di

dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku pada membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kesembilan."

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah. Saya memanjatkan setinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah, petunjuk dan keizinnannya, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Jaafar Ibnu Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Baginda di Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada hari Khamis 8hb Jun, 1995 yang lalu. titah Ucapan Baginda merangkumi semua aspek kehidupan, perkembangan dan kemajuan iktisad, kestabilan politik, kesejahteraan rakyat, ketinggian akal budi, kejernihan, keluhuran minda serta permuafakatan kaum yang abadi, seperti yang dirumuskan dalam Titah Ucapan Baginda. Ini membuktikan bahawa institusi Raja berperlembagaan di negara ini masih tetap mulia, tetap unggul dan sentiasa berpaksikan kepada aspirasi rakyat, rakyat yang mendukung sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen.

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana telah diberi kepercayaan oleh Tuan Yang di-Pertua dan pucuk pimpinan parti Barisan Nasional untuk menjadi pencadang pada Usul ini. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah merupakan hari yang istimewa buat saya, kerana saya diberi peluang berucap kali pertama selepas perlantikan semula saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri yang kita kasihi yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk terus menjadi Ahli Dewan yang mulia ini bagi penggal yang kedua.

Saya berjanji untuk terus berusaha menjaga mertabat Dewan yang mulia ini, memberi sumbangan fikiran serta kritikan yang membina. Saya sedar dan akur bahawa peranan dan tugas saya serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan ini adalah besar dan berat. Kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan Dewan Negara yang mulia ini akan terus menjadi Dewan yang berfungsi dengan sempurna dan membantu kerajaan di dalam membangunkan negara tercinta ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini dan bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang lain untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas perlantikan Yang Berhormat Dato' menjadi Yang di-Pertua Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Saad bin Haji Man: Perlantikan ini saya percaya adalah merupakan penghargaan di atas jasa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Dewan ini selama ini dan juga kepercayaan kerajaan di atas kemampuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk menjalankan tugas yang diamanahkan dengan sempurna, insya Allah. Saya berjanji, insya Allah, bagi pihak kawan-kawan dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk terus memberi

kerjasama kepada Tuan Yang di-Pertua di dalam menjalankan amanat yang besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya juga amat terhutang budi kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' G. Vadiveloo, bekas Yang di-Pertua Dewan Negara ini yang telah banyak membimbing kita semasa beliau menjadi Yang di-Pertua Dewan ini dahulu. Khidmat beliau begitu cemerlang kepada Dewan ini. Saya dan rakan-rakan lain ingin mengucapkan setinggi terima kasih dan penghargaan kepada beliau. Kita tidak akan melupakan jasa dan khidmat beliau walaupun beliau tidak lagi jadi Yang di-Pertua Dewan ini, tetapi beliau terus jadi Ahli Dewan ini. Saya yakin beliau akan terus membimbing kita dan menyumbangkan jasa beliau kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan ucapan ini, izinkan saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Mahathir Mohamad, Pengerusi Barisan Nasional, merangkap Perdana Menteri kerana parti Barisan Nasional dan kerajaan pimpinannya telah mencapai kemenangan paling cemerlang dalam pilihanraya umum pada 25hb April 1995 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Barisan Nasional menguasai 162 kerusi daripada 192 kerusi Dewan Rakyat adalah merupakan kejayaan yang paling gemilang dan amat cemerlang sekali dalam sejarah pilihanraya umum di negara kita. Parti Barisan Nasional telah mendapat 65.13% daripada jumlah undi yang dibuat. Melebihi majoriti 5/6 dengan mendapat lebih daripada 84% kerusi di Parlimen. Ini

membuktikan Barisan Nasional yang mengamalkan keadilan dan kesederhanaan dalam pentadbirannya dan mewakili seluruh rupa bangsa Malaysia. Adalah parti politik yang paling unggul, pragmatik, berkesan dan menjadi pilihan utama majoriti rakyat negara ini, yang sentiasa menghargai ketenteraman awam, keselamatan negara, perpaduan nasional dan kesejahteraan ummah.

Mandat yang besar yang diterima oleh Barisan Nasional ini adalah satu pengiktirafan dan penerimaan rakyat kepada Barisan Nasional yang telah menunjukkan rekod yang cemerlang dalam mentadbirkan negara ini. Mandat besar ini juga adalah pengiktirafan dan penerimaan majoriti rakyat Malaysia kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, selaku Perdana Menteri dan juga Wawasan 2020 yang dibawanya.

Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020 akan membawa dan meningkatkan martabat bangsa dan negara ini ke satu tahap kecemerlangan yang membanggakan dan memberi keyakinan untuk kita melangkah ke abad 21.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda begitu optimis bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara paling makmur, stabil dan aman di dunia ini di abad yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada seluruh rakyat marilah kita bersatu padu gembleng tenaga dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memberi sokongan yang padu kepada

kerajaan untuk membina bangsa dan negara yang bermartabat dan boleh dibanggakan.

Marilah kita tolak politik sempit yang berasaskan politik perkauman yang merbahaya, yang dibawa oleh parti-parti pembangkang selama ini, yang pasti kalau dibiarkan akan membawa kesan negatif dan melambatkan rentak dan usaha untuk menjadikan Malaysia negara yang tergemilang untuk kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah, majoriti rakyat sejak pilihanraya pertama dahulu hingga sekarang, dari zaman Perikatan hingga Barisan Nasional, sejak negara di bawah perintah Allahyarham Tunku Abdul Rahman. Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn hingga ke zaman Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menjangkau jangka waktu empat dekat, rakyat tidak pernah memberi kepercayaan kepada parti pembangkang. Rakyat mudah meneka akan tipu-helah dan janji palsu parti pembangkang selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di atas hakikat dan kesedaran inilah dalam pilihanraya baru-baru ini, rakyat telah menjatuhkan hukuman berat kepada pembangkang. DAP hanya dapat 9 kerusi, PBS dapat 8 kerusi, PAS dapat 7 kerusi dan malang sekali S.46 hanya dapat 6 kerusi saja.

Malah di peringkat Dewan Undangan Negeri, parti-parti pembangkang juga telah menerima kekalahan teruk. Kalau kita ambil contoh di Negeri Johor, kemenangan Barisan Nasional merupakan 100% dan juga di Negeri Pulau Pinang, pembangkang hanya berjaya mengekalkan satu kerusi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Kelantan, Barisan Nasional telah mendapat 7 kerusi kalau dibandingkan pada tahun 1990 kita tidak mendapat sebarang kerusi.

Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa rakyat telah menaruh sepenuh kepercayaan kepada parti Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, yang jelas sebab utama pembangkang kecundang dalam pilihanraya yang lalu ialah mereka telah membuktikan dengan jelas bahawa mereka tidak menghormati dan mengamalkan serta gagal untuk mengotakan tanggungjawab mereka sebagai pembangkang yang bertanggungjawab dan membina.

Mereka diberi peluang untuk melindungi hak rakyat—mereka gagal. Contoh yang jelas, apabila Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dibentangkan di Parlimen dahulu, mereka menentanginya. Pindaan Perlembagaan ini dibuat untuk mempertahankan hak rakyat. DAP tahu, PAS tahu dan S. 46 pun tahu, tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana mereka adalah parti pembangkang, maka mereka mesti membangkang dan lupa tentang peranan mereka yang kononnya mempertahankan rakyat. Tetapi apabila melihat seluruh rakyat telah memberi sokongan kepada pindaan ini, pembangkang berpura-pura menyokong pula tetapi sayang, Tuan Yang di-Pertua, semuanya sudah terlambat. Niat dan sikap 'talam dua muka' pembangkang dapat dibaca oleh rakyat. Jadi, jelaslah pembangkang bukan mengutamakan kepentingan politik rakyat tetapi kepentingan politik peribadi mereka yang terus diperjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"The opposition refuse to eat humble pie but the people have force them to eat the humble pie in the last general election".

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang juga mengakui kemenangan besar Barisan Nasional baru-baru ini adalah kerana keadaan ekonomi negara yang baik dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat—saya bersetuju. Tetapi ada sesuatu sebab lain yang mereka lupa iaitu mereka gagal menegakkan hak rakyat dan menjadi pembangkang yang berguna ketika khidmat mereka diperlukan. Seperti kata Mr. 'Robocop' Lim Kit siang, beliau mahu menjadi, dengan izin: "Chief Minister with power." Apakah beliau ada 'power' dan kecekalan untuk bangun menegakkan hak rakyat sewaktu beliau menjadi Ketua Pembangkang dahulu semasa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dibentangkan di Parlimen? Di mana beliau ketika itu? Apa kuasa yang ada kepada beliau apabila beliau kalah teruk di Tanjong Bungah baru-baru ini? Dan kelebihan undi Parlimen Tanjong beliau pula telah merosot begitu teruk sekali daripada 17,469 pada tahun 1990, Tuan Yang di-Pertua, kini hanya tinggal 6,895 sahaja di dalam pilihanraya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, yang anehnya, Mr. 'Robocop' kita ini masih mahu 'power' lagi. Beliau masih mahu menjadi Ketua Pembangkang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, beliau patut bersyukur kerana masih dilantik walaupun hampir-hampir terkeluar—cuma harapan saya dan saya fikir juga merupakan harapan semua Ahli

Dewan Negara, bila dapat elaun tambahan RM2,000, bila dapat pejabat di Parlimen ini, bila mendapat secretary dan mendapat kemudahan-kemudahan yang lain—jadilah Ketua Pembangkang yang punya 'power' untuk membina negara ini. Saya menyeru pemimpin dan ahli-ahli DAP yang komited kepada usaha membangunkan negara kita supaya ada keberanian, bangun bercakap dan menentang pemimpin DAP seperti ini. Jangan hanya berjuang untuk mendapat elaun Wakil Rakyat semata-mata tetapi berjuanglah untuk membina negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada PAS, jangan bermain api dengan politik yang berlandaskan fanatik dan ekstrimisme melalui agama. Banyak contoh-contoh yang berlaku di negara-negara luar yang patut dipelajari oleh rakyat negara ini. Di Algeria, di Mesir dan Pakistan, politik yang berlandaskan kepada ekstrimisme agama ini amat merbahaya dan boleh membawa kerosakan kepada negara kita. Politik kafir-mengkafir sesama Islam dan menggunakan agama untuk kepentingan politik diri tidak sepatutnya dibiarkan oleh kerajaan. Kes penceraian yang berlaku di Kelantan kerana perbezaan fahaman politik baru-baru ini di dalam pilihanraya yang adalah merupakan contoh yang bagaimana negatifnya amalan PAS selama ini. Kerajaan mesti mengambil langkah yang sewajarnya agar ekstrimisme PAS ini dibendung sebelum ia merebak lebih teruk lagi. Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah segera untuk menggugurkan perkataan 'Islam' daripada parti PAS supaya ianya tidak terus disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin dan juga ahli-ahli PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru kepada para pemimpin dan ahli-ahli S. 46 untuk menyedari bahawa perjuangan mereka sudah tidak bermakna lagi. Rakyat sudah tidak memberi sokongan di atas perjuangan mereka, marilah kita wujudkan perpaduan ummah yang sebenar dengan menyokong Barisan Nasional yang telah diterima oleh majoriti rakyat negara ini.

Perpaduan ummah yang diwujudkan oleh Barisan Nasional lebih bermakna kepada bangsa dan negara kita kalau kita bandingkan dengan perpaduan ummah yang diwujudkan oleh parti-parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, mimpi S. 46 untuk memperjuangkan kepentingan umat Melayu tidak akan menjadi realiti. Sokongan kepada parti ini telah merosot. Kalau kita lihat sokongan yang mereka terima dalam pilihanraya tahun 1990 dan dibandingkan dengan pilihanraya tahun 1995, saya fikir sokongan daripada rakyat ini memanglah semakin menurun dan saya yakin dalam pilihanraya yang akan datang sokongan kepada mereka akan hilang terus sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, majoriti rakyat meletakkan kepercayaan kepada UMNO dan Barisan Nasional untuk memperjuangkan kepentingan bangsa, sampai bila pun S. 46 tidak akan dapat menubuhkan kerajaan di negara ini kalau mereka hanya meletakkan beberapa calon sahaja di dalam pilihanraya umum yang lalu. Apatah pula calon-calon mereka mengalami kekalahan paling teruk. Bagaimana pula mereka mahu memperjuangkan nasib dan kepentingan umat Melayu kalau

mereka bekerjasama dengan DAP dan PAS yang berjuang di atas dasar perkauman dan chauvinisme?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang isu mengenai kebebasan akhbar. Saya amat kesal dengan tindak-tanduk dan gelagat beberapa pemimpin pembangkang yang mencaci peranan media massa. Mereka mendakwa kononnya tidak ada kebebasan akhbar di negara ini. Untuk mencari publisiti murah, DAP sanggup membakar akhbar *The Star* semasa kempen pilihanraya yang lalu, kononnya laporan akhbar ini berat sebelah.

Style membakar akhbar, memboikot akhbar, menghalang wakil media massa daripada menjalankan tugas mereka adalah style orang kecewa. Membakar akhbar, memboikot akhbar dan menghalang wakil media massa menjalankan tugas oleh pembangkang adalah juga menghalang kebebasan akhbar. Memukul jurugambar TV3 di Kuala Kedah baru-baru ini adalah lebih daripada menghalang kebebasan akhbar, malah tindakan ini mempunyai unsur-unsur gangsterisme yang dijalankan oleh penyokong-penyokong PAS.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini pasti bersetuju dengan saya kalau kita rakamkan rasa dukacita kita tentang keterlanjuran tindakan oleh ahli-ahli parti pembangkang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pembangkang, apakah laporan dan berita palsu yang bersifat perkauman dan fitnah yang ditulis oleh akhbar *Harakah* dan *Roket* menunjukkan tidak ada kebebasan akhbar di negara ini? Apakah DAP dan PAS telah berpuas hati hak

kebebasan akhbar dengan menjual *Roket* dan *Harakah* secara terbuka di setiap kedai kopi dan di segenap lorong, sedangkan permit percetakan akhbar-akhbar ini hanyalah untuk edaran kepada ahli-ahli sahaja? Oleh kerana kononya tidak ada kebebasan akhbar, maka pemimpin-pemimpin pembangkang sanggup mengeluarkan kenyataan dan mencaci pemimpin-pemimpin dan negara kita di media luar negara. Mencemar nama negara dan nama pemimpin di luar negara adalah merupakan tindakan dayus pihak pembangkang.

Mungkin mereka berasa puas hati dan lega dengan laporan negatif media asing terhadap negara kita. Inilah satu penderhakaan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Baginda pun turut menyeru semua rakyat, tak kira sama ada pembangkang, S. 46, DAP dan PAS untuk terus menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini dan sama-sama menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan. Bagi DAP, bagi PAS dan bagi S. 46 serta PBS, kebebasan akhbar hanya bermakna boleh mengkritik kerajaan. Kebebasan menyokong kerajaan bukan merupakan kebebasan akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya, kerajaan sanggup menerima kritikan membina, tetapi pembohongan dan fitnah bukan kritikan. Fitnah dan pembohongan juga adalah penghalang kepada kebebasan berakhbar secara jujur dan ikhlas. Untuk mengatakan bahawa Dr. Mahathir tidak "liberal", ianya juga satu tuduhan yang melulu. Apakah pembangkang tidak sedar di waktu Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, terdapat lebih banyak permit dan

akhbar-akhbar serta majalah-majalah dikeluarkan kalau dibandingkan dengan zaman sebelum beliau menjadi Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di mana bumi dipijak, di situ langit di junjung. Jangan jadi "kacang lupakan kulit". Pembangkang juga patut bersyukur dapat turut menikmati kemakmuran, kebebasan, keamanan dan keadilan negara dipimpin oleh parti dan kerajaan yang kononnya tidak bebas. Pemimpin kerajaan tidak pernah, dengan izin, "stop so low" untuk mengambil tindakbalas kepada akhbar-akhbar pembangkang yang menulis fitnah dan hasutan sebarang asas. Untuk menarik balik permit percetakan mana-mana akhbar yang melanggar peraturan bukanlah satu perkara yang payah, Tuan Yang di-Pertua. Dengan satu tandatangan sahaja daripada Menteri Dalam Negeri, berakhirlah riwayat surat-suratkhabar ini. Saya gesa pihak kerajaan untuk mengkaji semula kebebasan kepada akhbar *Roket* dan *Harakah* yang mana telah menyalahgunakan hak yang diberikan seperti di dalam permit mereka.

Tuan Yang di-Pertua, lebih baik kita mencegah daripada mengubat. Jangan sampai ia telah melarat dan memudaratkan baru tindakan hendak diambil. Di Britain ada hujah mengatakan, dengan izin, "the money is more important than the message". Wang lebih penting dari berita. Sebab itulah akhbar-akhbar mereka hidup subur dengan cerita-cerita sensasi. Setiap aspek dan langkah celebrities mereka jadikan tajuk akhbar mereka. Dari kisah mandi di tepi pantai hingga kepada kes-kes di bilik tidur menjadi berita hangat. Amalan kebebasan

akhbar tanpa had ini juga cuba dilaksanakan atau ditiru oleh beberapa akhbar tempatan kita. Malangnya di Malaysia, tidak ada tempat bagi akhbar-akhbar seperti ini. Banyak daripada mereka telah berkubur tanpa sebarang tindakan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengalu-alukan langkah kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat media di rantau ini menggantikan Hong Kong selepas 1997. Kuala Lumpur memang mempunyai kelebihan untuk tujuan ini. Dengan infrastruktur dan kemudahan yang ada, kita mampu mengambilalih peranan Hong Kong dalam perkara ini. Sekarang pun, terdapat banyak foreign correspondence dan juga media-media asing yang ditempatkan di Malaysia.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak media tempatan supaya apabila Kuala Lumpur menjadi pusat media di rantau ini kelak, kita haruslah mempertingkatkan facilities dan juga kualiti kita supaya dapat menandingi media-media asing yang akan bergerak daripada Kuala Lumpur.

Saya juga suka menggesa pihak media kita supaya jangan melaporkan sensasi politik semata-mata. Tumpuan dan usaha perlu dibuat untuk menggalakkan jurnalisma pembangunan bagi membantu merangsangkan pemikiran rakyat kerana akhbar adalah "vital public opinion leaders", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal ekonomi negara dalam ucapan saya hari ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas kemampuan dan kejayaan beliau

memimpin Kementerian Kewangan. Kita bertambah yakin apabila beliau diberi tanggungjawab terus untuk menerajui portfolio kementerian ini. Puan Margaret Thatcher pernah menyebut bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah merupakan seorang Menteri Kewangan yang terbaik di dunia. Saya amat bersetuju dengan kenyataan ini dan sebagai rakyat Malaysia, saya amat berbangga dengan penghormatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ahli ekonomi Bank Dunia, Michael Walton, Principal Author of *World Development Report 1995* mengangap ekonomi Malaysia sebagai menakjubkan atau miracle dan di dalam laporan tersebut, beliau sering menyebut Malaysia sebagai contoh negara yang sedang membangun yang paling berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pengkritik ekonomi mengatakan, dengan izin, the bubble of Malaysia's economic akhirnya akan pecah. Tetapi saya ingin menarik perhatian mereka bahawa tahun ini adalah merupakan tahun kelapan ekonomi Malaysia terus mencatatkan kadar pertumbuhan 8% berturut-turut. Malah, ada ahli-ahli ekonomi yang mula merasa bimbang dan gelisah dengan kadar perkembangan ini. Mereka berpendapatan, kadar perkembangan ekonomi negara hanya mampu dan patut dikekalkan pada tahap 6% sahaja kerana infrastruktur yang ada belum lagi bersedia menampung perkembangan yang begitu menggalakkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah benar kebimbangan mereka ini mempunyai asas, kita seharusnya merasa bangga kerana negara mampu berkembang begitu pesat, walaupun

tanpa mempunyai tahap infrastruktur yang menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita bayangkan senario ekonomi negara apabila projek-projek infrastruktur yang besar seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang, causeway kedua, land-bridge Malaysia—Thailand, Projek Hidro Elektrik Bakun, Lebuhraya Pesisiran Pantai (Coastal Highway), Keretapi Elektrik dan Trek Berkembar, LRT di Kuala Lumpur dan Satelit Measat Malaysia disiapkan kelak. Saya yakin, ekonomi Malaysia akan melonjak ke tahap yang lebih tinggi.

Dulu ada pihak mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, 'if the American economy sneezes, the rest of the world catch cold'. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ini tidak mungkin berlaku di Malaysia kini kerana ekonomi kita mampu berdiri teguh di atas kaki sendiri.

Saya mengambil kesempatan di sini juga untuk mengingatkan kerajaan supaya berhati-hati dan berwaspada ketika negara kita sedang pesat membangun. Langkah bijak kerajaan untuk mengurangkan penggantungan kepada mata wang Yen yang tidak menentu patut dipuji dan patut diteruskan. Kempen Inflasi Sifar perlu mendapat sokongan semua dan dijadikan kempen yang berterusan. Penekanan juga perlu diberikan kepada pembangunan projek-projek infrastruktur seperti sistem pengangkutan yang lebih dan efisien. Peringkat pertama, sistem LRT perlu disegerakan supaya kesesakan di Kuala Lumpur dapat dikurangkan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan mengadakan kajian-

kajian awal di atas kemungkinan sistem LRT ini diperkenalkan di bandar-bandar lain seperti Pulau Pinang dan Johor Bahru untuk mengurangkan kesesakan yang berlaku di bandar-bandar tersebut pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengingatkan kerajaan bahawa di dalam keghairahan kita melaksanakan projek-projek besar, faktor keselamatan dan kualiti tidak boleh dikompromi. Insiden-insiden seperti gangguan elektrik yang hampir melumpuhkan negara beberapa tahun dulu, kebakaran kabel elektrik Jambatan Pulau Pinang minggu lalu, kejadian tanah runtuh di kilometer 36 baru-baru ini yang mengorbankan banyak nyawa, keruntuhan Terminal Feri Butterworth beberapa tahun yang lalu dan kemalangan-kemalangan di tapak pembinaan seharusnya menjadi pengajaran kepada kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang lain di Dewan ini untuk merakamkan rasa takziah kita kepada keluarga mangsa-mangsa yang terlibat di dalam kejadian di kilometer 36 Lebuhraya Karak pada dua hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menggesa kerajaan supaya terus mengenal pasti lebih banyak lagi agensi-agensi dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan dan projek-projek infrastruktur yang boleh ditawarkan kepada pihak swasta. Memang telah terbukti bahawa program penswastan yang telah dilaksanakan di Malaysia cukup berjaya. Malah tahap kecekapan kakitangan agensi dan perkhidmatan yang diswastakan tersebut turut meningkat. Ambil contoh bila Jabatan

Telekom dan Lembaga Letrik Negara diswastakan, secara overnight, dengan izin kakitangan yang sama di agensi tersebut telah turnaround, dengan izin syarikat-syarikat ini menjadikan syarikat-syarikat ini sebagai syarikat-syarikat gergasi yang mencatatkan keuntungan berbilion ringgit.

Dulu kalau kita melaporkan kerosakan telefon, mungkin seminggu pun belum tentu diperbaiki. Sekarang, kalau ada berlaku kerosakan telefon dan kita laporan, mungkin tidak sampai dalam masa sehari mereka akan datang memperbaikinya. Bukan sahaja datang dengan tangan kosong, Tuan Yang di-Pertua, tetapi datang dengan membawa alat gantinya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut meminta kerajaan supaya lebih berhati-hati dan peka dengan implikasi ekonomi serta kesan kepada rakyat di dalam menimbangkan rayuan agensi-agensi yang telah diswastakan ini yang kerap memohon agar dikaji semula kadar pembayaran yang dibayar oleh pengguna yang menggunakan facilities mereka. Seharusnya syarikat-syarikat ini janganlah berlumba-lumba sesama mereka mencatatkan keuntungan beribu juta ringgit setiap financial year dengan cara menghukum pengguna tanpa lebih kreatif menerokai ruang-ruang bagi mendapat keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya penswastan projek-projek kerajaan bukan sahaja memberi keuntungan kepada pemegang konsesi tersebut tetapi sepatutnya ia meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan beban pentadbiran dan lebih bersifat user-friendly, dengan izin, serta dengan keuntungan yang dicapai

oleh syarikat-syarikat ini mereka perlulah menerokai bidang-bidang baru bagi membantu mempercepat perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pendidikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri, memang tepat dan selaras dengan usaha untuk meningkatkan peranan Kementerian Pendidikan. Kini era pendidikan negara telah melangkah ke era baru. Saya yakin dengan kemampuan Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib untuk memberi tenaga dan wajah baru kepada kementerian ini. Kita Ahli-ahli Dewan Negara akan terus memberi sokongan kepada beliau kerana kita menyedari pendidikan adalah merupakan tunggak penting bagi menjayakan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam era pendidikan baru ini kita tidak mahu melahirkan ulat buku, bookworm, dengan izin, atau ahli-ahli teori semata-mata. Seharusnya kita melahirkan hands-on expertise, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin yang penting untuk negara ini yang mampu menyelesaikan masalah on-the-spot, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara ini ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Pendidikan di atas cadangan bijak beliau untuk menubuhkan universiti pekerja (blue collar university) untuk pekerja-pekerja berkolar biru. Mungkin tidak lama lagi masa akan tiba, kita tidak lagi perlu bergantung kepada pakar-pakar asing untuk menyelesaikan masalah kita. Ambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa meminta bantuan Perancis,

Jepun dan Singapura bagi membantu kita yang tidak bersedia untuk menyelamatkan mangsa-mangsa keruntuhan apartment Highland Towers. Kita juga terpaksa meminta bantuan pakar dari Germany dan Belgium untuk memulih kembali tenaga elektrik akibat kebakaran kabel elektrik Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kepesatan pembangunan perindustrian, kerajaan dan swasta telah menubuhkan berbagai-bagai akademi. Kita mempunyai ramai belia-belia yang telah dilatih sebagai mekanik yang mahir oleh Akademi Saga yang ditubuhkan oleh EON umpamanya, hasil daripada kejayaan industri kereta nasional kita. Ini adalah salah satu langkah ke arah mengeluarkan pekerja-pekerja mahir yang cukup penting kepada sektor perindustrian.

Kurikulum pendidikan perlu diubah suai supaya kerajaan dapat mengenal pasti kecenderungan pelajar dari tahap awal lagi. Kecenderungan ini boleh dibentuk untuk kemahiran kelak. Sekarang kalau kita tanya anak-anak kita, Tuan Yang di-Pertua, apakah bidang kerjaya yang mereka pilih bila besar kelak. Pasti ramai yang akan menjawab, "Doktor, lawyer, jurutera dan guru". Mungkin yang bercadang untuk menguasai bidang kemahiran tinggi seperti jurutera kapal terbang, pakar di bidang petroleum dan sebagainya agak kurang. Negara Jepun mengeluarkan ratusan ribu pelatih mahir di bidang teknikal setiap tahun untuk menyokong perkembangan industri mereka. Kita juga perlu menjadikan usaha ini sebagai budaya Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar penubuhan universiti kolar biru ini mendapat sokongan daripada sektor industri dan korporat negara ini seperti PERWAJA, MMC, PETRONAS, Malayawata dan sebagainya; sama ada secara sumbangan kewangan, teknikal atau berkongsi kemahiran dan pengalaman. Saya juga ingin mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya universiti ini ditempatkan di Kulim Hi-Tech Park, di Kedah di mana semua industri berteknologi akan ditempatkan di kawasan industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Dasar Luar Negara, saya berasa amat kagum dengan pentadbiran Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed khususnya pendirian Malaysia yang konsisten dan tidak berubah mengenai soal dasar luar negara. Dasar hubungan luar negara yang kuat dan dihormati oleh sesebuah negara itu adalah hasil daripada kestabilan politik negara tersebut. Tidak ada Perdana Menteri yang lebih berpengalaman dan mempunyai hubungan yang luas di luar negara seperti Dr. Mahathir. Sebut sahaja Zambia, negara-negara Teluk, Afrika Selatan, Tanzania, Caribbean, China, Mauritius, Albania, Japan dan negara-negara Amerika Latin. Dari negara paling kecil hingga ke negara paling besar, dari negara paling mundur hingga ke negara paling maju beliau mempunyai hubungan peribadi dan dihormati. Pendirian beliau terhadap Australia serta Britian begitu tegas hingga akhirnya Paul Keating terpaksa meminta maaf dan Lord Carrington dan Michael Haseltine terpaksa turun ke Malaysia untuk memujuk Malaysia dalam isu 'Buy British Last'.

Dasar Pandang Ke Timur yang diumumkan oleh Perdana Menteri

pada 15 Disember 1991 telah membebaskan fokus hubungan luar kita yang selama ini berkiblatkan ke London, menjadi lebih terbuka dan turut mencorakkan perkembangan ekonomi negara ekonomi negara Malaysia yang bermodelkan kejayaan Jepun dan Korea. Dr. Mahathir menjadi jurucakap dunia ketiga dan beliau menjadi arkitek kepada penubuhan hubungan Selatan-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, pendirian tegas Malaysia dalam isu Bosnia-Herzegovina mendapat penghormatan seluruh negara. Saya bersependapat dengan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, kita minta rakyat Bosnia-Herzegovina diberi hak untuk mempertahankan diri kalau Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tidak boleh menyelesaikan dengan adil, tidak boleh memberi penyelesaian yang adil kepada rakyat Bosnia. Kita juga perlu mengutuk sikap PBB yang double-standard terhadap negara-negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, tanggal 27 Jun 1995 yang lalu, PBB telah menyambut ulang tahun penubuhan yang ke-50. Walaupun telah wujud setengah abad, saya amat dukacita dengan prestasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang amat mengecewakan ini. Sudah sampai masanya satu reformasi menyeluruh ke atas badan dunia ini dibuat. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terpaksa mengikut telunjuk kuasa-kuasa Barat, kepentingan anggota-anggota kecil tidak langsung diperjuangkan.

PBB, Tuan Yang di-Pertua, telah lari jauh dari piagamnya. Saya menggesa perwakilan Malaysia ke persidangan PBB tahun ini mesti menyatakan

pandangan keras dan tegas kita terhadap isu-isu yang dihadapi PBB sekarang. Keberkesanan PBB dan kualiti kepimpinan Boutros Boutros-Ghali terlalu jauh merosot dan berasa di tahap yang paling memalukan, kalau dibandingkan dengan zaman U Thant dan Dag Hammarskjold ketika PBB dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dipimpin seperti Dr. Mahathir memimpin negara ini, sudah pasti maruah dan martabat badan dunia ini dapat dipulihkan. Di sini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan rasa penghargaan kepada anggota keselamatan kita dengan peranan Pasukan MALBATT kita di Somalia dan Bosnia. Kita merasa megah dan bangga di atas khidmat mereka. Ada di antara wira-wira kita ini terkorban ketika menjalankan tugas, beribu batu dari tanah air kita, bukan untuk mempertahankan tanah air kita tetapi mempertahankan maruah, bangsa dan martabat kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan perlu mengambil berat di atas kebajikan dan masa depan isteri dan anak-anak wira-wira kita yang terkorban ini supaya masa depan mereka terus terjamin. Saya juga menyeru supaya ditubuhkan satu tabung khas untuk membantu keluarga dan anak-anak wira-wira kita yang terkorban di luar negara, bertugas di bawah panji-panji Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin menyeru kepada negara Jepun supaya mengkaji semula pendirian mereka mengenai isu EAEC. Jangan

tunduk kepada muslihat Amerika Syarikat yang tidak mahu EAEC ditubuhkan. Amerika Syarikat tidak mahu negara Asia sepakat dan saling bantu-membantu. Kita sedar Jepun memang takut dengan ugutan, tekanan ekonomi Amerika terhadapnya dan tidak berani membuat sebarang komitmen tanpa persetujuan daripada Amerika.

Tetapi lihatlah apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat sanggup mengenakan sekatan perdagangan ke atas import kenderaan Jepun ke pasaran mereka. Kalaulah ada EAEC, saya yakin Jepun dapat menhadapai tekanan USA ini dengan sokongan EAEC. Sekarang Jepun terpaksa menghadapinya satu sama satu.

Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun dulu Malaysia tidak langsung dikenali sebagai destinasi pelancongan. Di rantau ini, pelancong-pelancong lebih suka ke destinasi lain seperti Thailand, Indonesia dan Filipina. Tetapi sekarang pelancong telah mengubah haluan mereka ke Malaysia. Dengan usaha dan langkah-langkah yang bersungguh-sungguh yang diambil oleh kementerian dan swasta di dalam menyediakan infrastruktur pelancongan termasuk memajukan tempat-tempat berpotensi serta usaha-usaha di luar negara, yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, kini Malaysia menjadi destinasi pelancong yang menarik kepada pelawat-pelawat daripada luar negara. Kini pendapatan negara daripada tukaran wang asing merupakan pendapat keempat terbesar negara. Malah industri pelancongan dalam negeri turut berkembang dengan pesat dan menyelamatkan banyak aliran wang keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kagum dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah bersungguh-sungguh dan memberi tumpuan di dalam membangunkan Langkawi, pulau yang dahulunya mundur kerana sumpahan Mahsuri kononya, kini menjadi destinasi pelancong yang amat menarik destinasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita tersentak dengan insiden di mana 19 orang pelancong Jepun telah mendapat layanan yang paling memalukan di pintu masuk Johor Bahru. Walaupun kita di fahamkan ianya adalah masalah teknikal, tetapi apakah ini caranya kita melayan tetamu negara kita. Sayang, masih ada pegawai-pegawai kita yang tidak sensitif dengan aspirasi kita.

Dewan Negara yang bersidang pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, meminta Kementerian Dalam Negeri supaya memastikan insiden-insiden, perkara-perkara seperti ini yang boleh memburukkan nama dan negara kita tidak akan berulang lagi. Situasi dan cara pengendalian keluar masuk pelancong dan rakyat negara ini di pintu-pintu masuk di Johor Bahru dan Bukit Kayu Hitam masih di tahap yang mengecewakan.

Saya masih tidak faham walaupun laluan dan pondok-pondok Imigresen secukup disediakan oleh kerajaan, cuma sebahagian sahaja dibuka walaupun di hujung minggu, cuti-cuti awam serta waktu-waktu yang jumlah trafiknya tinggi.

Di Johor Bahru baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, daripada 24 laluan yang disediakan, cuma 12 sahaja

dibuka. Di Bukit Kayu Hitam, sepanjang waktu cuma satu laluan sahaja dibuka. Ini menyebabkan berlaku kesesakan. Kenderaan terpaksa berbaris dan ianya mengambil masa. Ini amat berbeza sekali jika kita bandingkan dengan cara-cara negara-negara jiran kita mengendalikan keluar masuk pelancong ke negara mereka. Ianya lebih mudah dan lebih cepat. Saya percaya Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja Malaysia serta pihak Polis tentu dapat mengkaji semula peraturan yang diamalkan sekarang agar ianya lebih 'user friendly', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Saad, sebentar, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut peraturan yang berkenaan, saya dengan ini menjemput Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad untuk mempengerusikan Majlis.

(Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Sila Yang Berhormat, sambung.

Tuan Saad bin Haji Man: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Saya bimbang dengan jumlah pelancong yang masuk melalui pintu-pintu masuk ini bertambah daripada masa ke semasa dan dengan cadangan kerajaan membuka causeway kedua, keadaan ini akan menjadi bertambah buruk kalau tidak ada tindakan segera diambil daripada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu-satunya 'scanning machine' yang dikendalikan oleh polis di Bukit Kayu Hitam telah di dapati rosak dan tidak berfungsi selama dua tahun. akhirnya apabila Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri mengadakan lawatan menjemput ke tempat ini, tiba-tiba pula dapat peruntukan untuk memperbaiki 'scanning machine' ini. Kita tidak tahu berapa banyak dadah dan senjata api yang diseludup masuk ke negara ini sewaktu 'scanning machine' ini tidak beroperasi. Saya juga bimbang dan was-was sekarang banyak lagi kelengkapan penting di tempat-tempat strategik yang masih tidak berfungsi. Apakah kita hanya mengharapkan lawatan-lawatan mengejut daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya mungkin tidak lengkap kalau tidak menyentuh aspek keselamatan negara. Saya bagi pihak seluruh Ahli Dewan Negara ingin merakamkan setinggi-setinggi tahniah kepada Ketua Polis Negara di atas langkah segera dan tindakan tegas yang diambil ke atas pelarian Vietnam yang merusuh di Kem Sungai Besi baru-baru ini. Tetapi soalnya, bagaimanakah boleh terdapat banyak senjata-senjata merbahaya di dalam kem ini sedangkan kem ini sepanjang masa adalah di bawah kawalan Pasukan Keselamatan kita? Kita tidak boleh menolak kemungkinan bahawa ianya diseludup masuk oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mempunyai niat buruk untuk menimbulkan huru-hara dan membusukkan imej negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, urusan keselamatan tidak boleh diabaikan. Keselamatan di lapangan terbang, di pintu-pintu masuk negara, di bangunan-bangunan penting dan alat-

alat kelengkapan strategik tidak boleh dikompromi. Terdapat banyak kes-kes misteri yang berlaku di negara kita sejak akhir-akhir ini. Umpamanya, kebakaran-kebakaran dibangunan dan radar Lapangan Terbang Subang, bangunan Mahkamah, pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan, kabel elektrik Jambatan Pulau Pinang, rompakan emas berlaku di Lapangan Terbang Subang, malah sebahagian Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pun turut terbakar.

Baru-baru ini sungguh menakjubkan seorang budak British berumur 14 tahun boleh masuk ke negara kita di depan mata pegawai-pegawai kita dengan menggunakan pasport bapanya. Saya yakin kejadian yang berlaku ini bukan sahaja memalukan, tetap juga turut mengakibatkan kerugian masa dan waktu.

Saya ingin menggesa pihak Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia Airport Berhad dan MAS supaya lebih bekerjasama bagi menyelesaikan masalah ini. Saya juga menggesa pihak polis dan agensi-agensi yang lain supaya lebih peka dan tegas pada masa hadapan. Di dalam dunia yang semakin 'sophisticated' ini, kes jenayah juga turut canggih. Kita mesti mampu untuk 'anticipate', dengan izin, mempunyai perancangan yang turut juga canggih dan kelengkapan-kelengkapan serta mampu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh aspek keselamatan maklumat kerajaan. Langkah-langkah pencegahan perlu diberi perhatian sebelum maklumat-maklumat ini jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Usaha kerajaan di

dalam mempertingkatkan kecekapan dengan mengadakan sistem berkomputer secara menyeluruh seharusnya dipuji. Tetapi saya ingin mengingatkan, dengan adanya saluran komputer terbuka seperti 'internet', maklumat dan data kerajaan dengan mudah terdedah jika kita tidak peka dan berhati-bati. Saya menggesa kerajaan supaya mengadakan satu garis panduan yang jelas berkaitan dengan keselamatan komputer ini. Saya yakin prosedur dan undang-undang yang ada sekarang mungkin belum cukup untuk menghadapi masalah pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita berada di ambang kecemerlangan dan mercu kejayaan. Segalanya menuju haluan yang tepat. Integrasi nasional kini berada di tahap paling kukuh. Kita rasa bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia. Kalau kita ke luar negara, kita boleh lihat barangan Malaysia dijual di supermarket-supermarket di Amerika dan di Britain. Kereta Nasional Proton berada di jalan-jalan raya di Eropah. Kapal laut Malaysia 'MISC' belayar dengan megah di seluruh lautan dunia. Penerbangan Malaysia 'MAS' terbang ke setiap benua dan syarikat-syarikat korporat Malaysia berlumba-lumba melabur diseluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah senario negara Malaysia yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang menuju ke abad 21. Negara kita ini adalah negara yang mendapat restu dan rahmat daripada Allah S.W.T. Kita seharusnya bersyukur di atas nikmat ini dan terus berusaha untuk memastikan segala cita-cita kita tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, perlantikan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Ahli Dewan Negara ini pada tahun 1972 adalah merupakan perlantikan paling penting dalam sejarah Parlimen kita, dengan izin, 'the vital Parliamentary appointment', kerana perlantikan inilah yang merupakan permulaan kepada segala kejayaan negara sekarang. Kita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak walaupun beliau tidak bersama kita sekarang, di atas pandangan jauh beliau masa itu kerana dapat mengenal pasti seorang bakal pemimpin masa depan yang paling berjaya. Begitu juga kepada Allahyarham Tun Hussein Onn, kita turut merakamkan penghargaan kerana walaupun Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad baru lima tahun berada di dalam Kabinet ketika itu. Tun Hussein telah membuat pilihan yang bijak, bukan sahaja untuk ketika itu tetapi juga untuk masa hadapan melantik Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, dua minggu dari sekarang, pada tanggal 16hb Julai, 1995 maka genaplah 14 tahun Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia. Sesungguhnya perubahan yang besar yang berlaku ke atas Malaysia di bawah pimpinan beliau amat menakjubkan. Kita mahu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad terus memimpin negara ini untuk melangkah dengan yakin ke abad 21.

Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli-ahli Dewan Negara dan seluruh rakyat tetap berdoa semoga Allah S.W.T. terus memberi petunjuk, kekuatan, usia dan kebijaksanaan kepada Dato' Seri

Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Hasmah supaya terus dapat memimpin negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita singkap kembali sejarah Dewan ini, Dewan yang mulia ini juga banyak melahirkan pemimpin-pemimpin negara yang berjaya seperti Dato' Seri Rafidah Aziz, Dato' Annuar Musa, Dato' Mustapa Mohamed, Yang Amat Berhormat Haji Ghani Othman, Datuk Chong Kah Kiat (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan banyak lagi kalau hendak disebutkan. Saya berharap kerajaan akan terus memberi perhatian kepada kepentingan Dewan ini. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri-menteri akan lebih hadir ke Dewan ini pada masa-masa hadapan, bukan kerana kita tidak yakin dengan kemampuan Timbalan-timbalan Menteri atau Setiausaha-setiausaha Parlimen tetapi kita percaya dengan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri ke Dewan ini, ianya akan terus memberi semangat kepada kita sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya juga ingin mengulangi ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya membentangkan usul ini. Dengan kata-kata tersebut, maka dengan rasa hormat dan takzimnya saya membentangkan Usul Menjunjung Kasih Kepada Yang Di-Pertuan Agong di atas kesudian Baginda menyampaikan Titah Baginda di Majlis Pembukaan Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada 8hb Jun, 1995 yang lalu. Terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Di jumpat Dr. Ng Yen Yen.

4.40 ptg.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang yang begitu baik dan begitu mulia kepada saya untuk menyokong usul yang dikemukakan bagi Menjunjung Kasih Kebawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas Titah Ucapan Baginda yang telah dilafazkan di Dewan ini pada masa pembukaan Penggal Pertama Parlimen Kesembilan pada 8hb Jun, 1995.

Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah menyentuh berbagai bidang mahupun dalam sosio ekonomi, pilihanraya, kadar kemiskinan, pembangunan belia dan sebagainya. Kita seluruh rakyat Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda yang merupakan satu pedoman kepada bangsa dan negara.

Keprihatinan Baginda terhadap kesejahteraan dan pembangunan negara serta perpaduan kaum yang sejati seperti yang diutarakan di dalam Titah Ucapan Baginda membuktikan bahawa sistem Demokrasi, Institusi Raja Berperlembagaan di negara kita merupakan satu sistem yang mulia dan berkesan dalam mentadbir negara yang dapat mendukung cita-cita dan inspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dilantik untuk memimpin Dewan yang mulia ini. Kami yakin dengan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua

akan membawa kejayaan Dewan ini ke satu peringkat yang lebih tinggi. dengan izin to past a message to Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, syabas dan tahniah kepada Pengerusi Barisan Nasional merangkap Perdana Menteri yang kita kasihi di atas kemenangan cemerlang Parti Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kali kesembilan pada 25hb April yang lalu.

Kemenangan Barisan Nasional dengan majoriti yang besar menguasai 162 daripada 192 kerusi di Dewan Rakyat kali ini adalah paling gemilang dan amat cemerlang sekali dalam sejarah pilihanraya umum di negara kita. Kejayaan tersebut serta kemenangan besar kerajaan sekarang yang diwakili oleh semua kaum membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional didukung dan diberi sokongan penuh oleh rakyat berbilang kaum di negara ini. Ini adalah kerana Barisan Nasional sekian lama mengamalkan konsep kesederhanaan dan perundingan dalam mentabdir negara yang terdiri dari masyarakat majmuk di Malaysia.

Sokongan rakyat yang kuat kali ini juga menunjukkan bahawa rakyat berkehendakkan satu kerajaan yang lebih stabil, kuat dan prihatin dalam usaha membela nasib rakyat. Seperti yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, kemenangan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum baru-baru ini juga membuktikan bahawa segala rancangan pembangunan negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 direstui oleh semua pihak. Baginda memuji kebijaksanaan rakyat semua

kaum di negara ini yang membuat pilihan yang bijak melalui proses demokrasi. Dalam hubungan ini, Baginda juga merasa amat positif bahawa negara kita akan menjadi sebuah negara yang paling makmur, stabil dan aman di dunia.

Kini dunia mengakui dan menghormati usaha-usaha pembangunan dasar-dasar pragmatik kerajaan yang konsisten dan berkesan untuk menjayakan negara Malaysia. Kejayaan negara kita sekarang adalah dikagumi oleh dunia luar dan kini Malaysia menjadi contoh yang paling baik untuk diteladani oleh negara-negara membangun yang lain. Berhubung dengan ini, Baginda juga menyeru rakyat sekalian perlu bersyukur kerana negara kita dipimpin oleh sebuah kerajaan yang dapat memastikan kestabilan dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kunci kejayaan Kerajaan Barisan Nasional ini terletak kepada kepimpinan politik yang cukup matang dan pengurusan ekonomi yang cekap. Faktor-faktor ini telah memastikan kejayaan demi kejayaan dapat dicapai oleh negara kita.

Kini Malaysia bukan sahaja maju dari segi ekonomi dan sosial di dalam negara, malah pemimpin-pemimpin utama negara kita iaitu Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dapat membawa nama negara ke peringkat antarabangsa. Pendirian Malaysia dalam isu antarabangsa seperti isu Bosnia-

Herzegovina dan Somalia telah dihormati oleh dunia luar.

Negara kita walaupun kecil telah cukup aktif dari segi pertanyaan menjaga keselamatan dunia dan juga memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan izin, when and wherever our beloved Prime Minister, Deputy Prime Minister speaks at the international forum, there are more than the usual crowd of leaders, who have all ears to listen to their views on key global issues. Tuan Yang di-Pertua, we have reached an unprecedented height in our international standard.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional masa depan, negara kita adalah cerah dan ia akan terus cerah sekiranya rakyat terus memberi sokongan kuat dan menyertai dengan aktif dalam rancangan-rancangan kerajaan. Kami yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad banyak lagi rancangan-rancangan dan polisi-polisi yang lebih liberal untuk kesejahteraan rakyat akan digariskan.

Negara Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum tidak boleh mengamalkan amalan-amalan ekstrem, fanatik dan pemikiran yang sempit serta polisi kerajaan yang mengongkong. Saya percaya rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan yang mengamalkan polisi yang liberal dan rancangan yang terperinci untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua amat gembira di atas kejayaan yang telah diperolehi pada hari ini, ekonomi

negara kita telah bertambah kukuh, taraf hidup rakyat telah meningkat, peluang pekerjaan juga telah bertambah. Pencapaian dan kemakmuran bukannya datang secara mudah tanpa usaha-usaha gigih dan dasar kerajaan yang berwawasan jauh. Bagaimanapun, kita tidak harus berpuas hati dengan pencapaian setakat ini, kerana kita hidup dalam dunia yang sentiasa bergerak maju, kompetitif dan daya saing di antara satu sama lain. Sekiranya kita tidak bergerak aktif ke hadapan, kita akan ditinggalkan di belakang.

Dalam arus deras perubahan teknologi tinggi, industri yang canggih dan industri yang value-added, dengan izin. Untuk memastikan negara kita terus kompetitif dalam perkembangan teknologi yang begitu pesat, tenaga kerja kita perlu sentiasa dilatih dan dilatih semula bagi meningkatkan kemahiran produktiviti demi menjamin dan meningkatkan lagi mutu barangan keluaran.

Masanya telah tiba bagi semua untuk menjadikan kualiti dan produktiviti sebagai satu cara hidup. Kita harus menuju ke arah pencapaian tahap kecemerlangan di mana peningkatan produktiviti menjadi matlamat sekiranya pengeluaran berkualiti pula menjadi hasilnya. Semua ini adalah amat penting untuk membolehkan negara kita bergerak ke arah industri yang bercorak teknologi tinggi. Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Sumber Manusia kerana telah mengambil berbagai langkah untuk meningkatkan kualiti dan kemahiran pekerja-pekerja kita di negara ini. Berbagai jenis insentif dan skim latihan telah diperkenalkan dalam

tahun ke belakang ini, contohnya Kementerian Sumber Manusia telah pun menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia pada 1.1.1993. Kumpulan Wang tersebut bertujuan membiayai program latihan, latihan kilang-kilang dan sebilangan sektor perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran pekerja dalam bidang tersebut.

Di samping itu Kementerian Sumber Manusia juga menggalakkan majikan menggunakan kemudahan-kemudahan di Institut Latihan Perindustrian untuk melatih pekerja-pekerja mereka. Saya berharap majikan akan menggunakan kemudahan-kemudahan dan insentif ini dalam mempertingkatkan lagi usaha melatih pekerja-pekerja mereka. Di samping itu kerajaan juga memberi banyak insentif kepada Majikan menggunakan perbelanjaan sendiri bagi melatih pekerja-pekerja mereka di institusi-institusi tertentu untuk menikmati potongan cukai dua kali.

Berhubung dengan Tabung Kumpulanwang Pembangunan Sumber Manusia, saya ingin menarik perhatian Kementerian Sumber Manusia supaya dapat mengkaji semula tempoh jangka masa penggunaan wang tersebut oleh sesuatu majikan. Perlu ditegaskan di sini bahawa tujuan utama tabung ini adalah untuk memberi galakan kepada majikan melatih pekerja-pekerja bagi meningkatkan kemahiran mereka. Kejayaan tabung ini bukan diukur dari segi banyak mana wang yang boleh dikumpul tetapi banyak mana pekerja yang dapat dilatih. Sehingga kini tabung telah berjaya mengumpul sebanyak RM167 juta tetapi hanya kurang daripada separuh sahaja diluluskan untuk pembayaran balik bagi membiayai kos latihan. Ini jelas

menunjukkan bahawa Kumpulanwang tersebut belum lagi digunakan dengan sepenuhnya.

Saya merasa sukacita mendapati Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan penggunaan Kumpulanwang tersebut. Antaranya penggunaan wang tabung tersebut oleh pihak majikan telah dilanjutkan daripada satu tahun kedua tahun di samping menlancarkan skim-skim baru seperti Skim Latihan Berkumpulan (Group Training Scheme) bagi persatuan, majikan dan perniagaan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan tempoh untuk menggunakan Kumpulan Wang tersebut bagi sesuatu tahun dilanjutkan hingga ke tiga tahun dan pihak majikan tidak perlu menunggu setelah sumbangan levi dibuat selama enam bulan baru boleh mula menggunakan tabung tersebut. Sebaliknya, kelayakan menggunakan levi tersebut boleh bermula dua bulan selepas pembayaran levi dibuat. Saya juga ingin mencadangkan satu skim khas SMI diperkenalkan bagi menggalak pengusaha-pengusaha sederhana dan kecil melatih pekerja-pekerja mereka.

Pada masa sekarang adalah didapati pengusaha dan pengilang kecil dan sederhana tidak tahu cara-cara untuk menggunakan tabung tersebut dengan sepenuhnya dan tidak memandang berat tentang latihan pekerja-pekerja mereka. Saya juga mendapati Kumpulanwang Sumber Manusia tidak mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri. Ini merumitkan lagi usaha promosi latihan dan rundingcara dengan adanya kerjasama pihak kerajaan dan swasta dalam usaha melatih pekerja-pekerja, saya yakin

pekerja negara kita akan terus berjaya meningkatkan produktiviti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita, saya juga merasa bangga kerajaan kita tidak lupa pada masalah keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja. Dalam mempertingkatkan keselamatan sosial, kerajaan telah menggubal satu akta baru iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 dan mengambil strategi untuk membantu mengurangkan kemalangan di tempat kerja serta membuat publisiti secukupnya untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya keselamatan dan kesihatan pekerja di tempat kerja. Dalam hubungan ini saya berharap kerajaan dapat mengeluarkan Regulation Act tersebut dengan secepat mungkin agar dapat memperkuatkuasakan akta ini dengan lebih berkesan.

Berhubung dengan Akta PERKESO, ia telah dibuat pindaan pada tahun 1992 untuk memperluaskan beberapa faedah kepada kaum pekerja. Saya mencadangkan bahawa kerajaan perlu mengkaji semula beberapa faedah lain yang boleh diberikan kepada kaum pekerja seperti memberi faedah kepada keluarga (family benefit) kepada kaum wanita yang bertujuan untuk menjaga kepentingan kaum wanita dan menggalakkan lebih ramai wanita memasuki pasaran buruh. Di samping itu, faedah biasiswa juga boleh diberikan kepada anak-anak pekerja yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri.

Selain daripada mengambil langkah-langkah tertentu memperluaskan skop faedah PERKESO, kementerian juga

perlu mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan proses tuntutan kemalangan. Biasanya apabila seseorang pekerja menghadapi kemalangan di tempat kerja mahupun di luar tempat kerja, jangka masa untuk menuntut pampasan adalah panjang di mana kelewatan memakan masa selama enam bulan hingga dua tahun. Saya mendapati kelewatan selalu berlaku dalam proses memperolehi sijil perubatan dari hospital-hospital kerajaan. Ini sepatutnya tidak berlaku kerana mangsa-mangsa kemalangan ini perlu diberi perhatian agar kehidupan keluarga mereka tidak terjejas. Ada di antara kes kemalangan di mana si mangsa merupakan tunggak mata pencarian bagi keluarga. Apabila beliau menghadapi kemalangan, mata pencarian keluarganya terputus dan inilah merupakan masa untuk PERKESO dapat membantu meredakan keadaan. Oleh itu saya ingin menegaskan proses permohonan pampasan PERKESO perlu dipercepatkan dan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang masalah kekurangan pekerja-pekerja mahir yang dihadapi sekarang, pihak kerajaan perlu mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan secepat mungkin.

Seperti mana kita semua sedia maklum sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ekonomi kita di mana ia mencatat sumbangan sebanyak 32% GNP. Negara kita sekarang telah memasuki satu era baru dengan adanya industri pembuatan seperti pembinaan Kereta Nasional dan industri Aerospace. Ini semua memerlukan tenaga kerja yang mahir. Semasa industri-industri tempatan terus

meningkatkan tahap teknologi dan memodenkan operasi bagi mengekalkan daya saing, maka permintaan terhadap tenaga terlatih pasti akan semakin bertambah. Dengan bertambahnya permintaan tenaga kerja mahir ekoran daripada perubahan teknologi yang dijangka akan terus berkembang pesat adalah penting sistem melatih tenaga mahir yang sedia ada diperbaiki supaya masalah tenaga kerja mahir tidak akan menjadi penghalang utama kepada pertumbuhan dan permodenan industri.

Dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana telah memandang berat tentang masalah ini dengan menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet untuk menangani isu tenaga mahir.

Pada masa sekarang terdapat beberapa kementerian bertanggungjawab melahirkan tenaga terlatih ini. Antaranya Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pendidikan. Sekolah-sekolah Vokasional dan Institut Latihan Perindustrian telahpun bertambah tetapi keluarannya masih tidak mencukupi, tambahan pula kebanyakan kursus-kursus yang ditawarkan dalam institut latihan dan Sekolah Vokasional kerajaan masih lagi menitikberatkan tentang kemahiran asas lower skill atau middle skill, dengan izin.

Untuk memastikan pelatih-pelatih di Institut Latihan Perindustrian dan Sekolah Vokasional boleh diserap dan diguna dengan sepenuhnya oleh industri selepas latihan, usaha perlu dibuat oleh kerajaan untuk mengubah

suai kandungan kursus serta jenis kursus dari semasa ke semasa agar latihan yang diberikan kepada pelatih adalah secocok dengan kehendak industri. Selain daripada perubahan kurikulum, mutu pelajaran di institut perlu terus ditingkatkan dengan meningkatkan, memperkemaskinikan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar melalui rancangan latihan lanjutan di dalam dan di luar negeri.

Bagi manfaat pelatih-pelatih juga khususnya untuk membolehkan mereka mudah sesuai dalam kerja, galakan selepas tamat berkursus, program latihan di institut perlu dimasukkan program latihan sambil belajar di firma-firma swasta. Di samping meningkatkan mutu kandungan kursus-kursus di Institut Latihan Kerajaan, bilangan institut dan Sekolah Vokasional juga perlu ditambah dengan secepat mungkin. Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang lebih singkat untuk membina lebih banyak institut latihan perindustrian agar bilangan pelajar dapat ditingkatkan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pendidikan negara, memang tidak dapat dinafikan bahawa dasar pendidikan negara kini semakin mantap dan menjadikan lebih liberal berbanding dengan masa silam. Saya ingin mengambil kesempatan di sini, mengucapkan tahniah di atas perlantikan Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak sebagai Menteri Pendidikan yang baru. Selaku Menteri Pendidikan, beliau telah berjaya mempekanalkan banyak perubahan dan mengemaskinikan kementerian menuju ke arah

kecemerlangan pendidikan. Saya merasa sukacita mendapati Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan di samping meningkatkan peluang pendidikan negara. Dalam soal kuantiti dan kecemerlangan pendidikan, kita tidak boleh berkompromi apabila kita menggariskan polisi yang lebih liberal untuk membolehkan lebih banyak universiti lagi menubuhkan cawangannya di negara kita. Untuk meningkatkan peluang pendidikan di negara kita, kita juga perlu mengawal mutu dan kecemerlangan pendidikan yang ditawarkan. Saya merasa penuh yakin Menteri Pendidikan kita yang baru dapat membawa Kementerian Pendidikan ke suatu tahap yang lebih cemerlang yang akan menjadikan sistem pendidikan negara kita lebih dinamik dan liberal.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya masa sudah tiba kerajaan melaksanakan konsep, dengan izin, open university. Pendidikan pada tahun-tahun 70-an dan 80-an serta 90-an ini merupakan pendidikan keperluan hidup dan pendidikan semua hidup. Akan tetapi, pendidikan konsep universiti terbuka adalah untuk rakyat yang ingin hendak menambahkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang boleh dipelajari tanpa memasuki alam universiti, maktab dan institusi pendidikan yang formal. Konsep ini juga membenarkan sesiapa sahaja memasuki sesebuah institusi tanpa sekatan umur, akademik ataupun latar belakang. Beliau cuma perlu memenuhi syarat kemasukan peperiksaan-peperiksaan. Keputusan peperiksaan ini bukan sahaja satu sijil akademik, tetapi lebih kepada mengiktirafkan kemahiran dalam

sesuatu bidang yang diminati itu. Saya yakin konsep universiti terbuka ini akan dapat memberi cabaran dan penyelidikan yang lebih hebat dalam sistem pendidikan negara. Di samping itu, konsep ini juga dapat memenuhi hasrat mereka yang ingin dapat mengikuti pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang perkhidmatan kesihatan di negara kita, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan kerana negara kita mempunyai satu perkhidmatan kesihatan luar bandar yang terbaik di antara negara-negara yang membangun. Kemudahan kesihatan kita telah berubah dengan pesat. Sejak 30 tahun yang lalu, kita telah berjaya membina sebanyak 480 pusat kesihatan dan 1,9593 buah klinik kesihatan di kawasan luar bandar. Bilangan doktor juga bertambah dengan pesat, di mana pada masa ini terdapat seorang doktor bagi setiap 2,400 penduduk. Pada tahun 1980, bagi setiap 3,568 penduduk hanya terdapat seorang doktor.

Kerajaan telah berjaya menyediakan lebih banyak kemudahan kesihatan untuk faedah rakyat. Banyak hospital dan klinik telah dibina untuk memberi perkhidmatan perubatan yang lebih yang baik kepada penduduk negara kita. Kita adalah di antara sebahagian negara kecil di dunia ini yang memberi perkhidmatan perubatan secara percuma kepada kebanyakan rakyat. Selain daripada perkhidmatan perubatan yang diberikan oleh kerajaan kini, pertambahan klinik-klinik dan hospital swasta semakin meningkat. Ini juga pasti akan menyumbang kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat di negara kita.

Untuk menjadikan perkhidmatan kesihatan negara kita mencapai tahap yang lebih tinggi, saya ingin mencadangkan hospital swasta. Saya mendapati banyak kemudahan-kemudahan perubatan dan alat-alat yang canggih setengahnya terdapat di hospital kerajaan dan ada juga peralatan yang canggih terdapat di hospital pihak swasta. Oleh itu, sekiranya kedua-dua pihak dapat bekerjasama, kita boleh mendapat satu kesan synergistic untuk menggunakan alat-alat yang tersebut dengan sepenuhnya. Saya yakin Kementerian Kesihatan dapat memandag cadangan ini dengan serius dan mencari langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan.

Dari segi para medical ataupun para pekerja sokongan perubatan, kerajaan perlu meningkatkan latihan dan mengambil pekerja-pekerja yang terlatih dalam bidang, dengan izin, physiotherapy, occupational therapies, ultrasound sonographic da bio-medical. Lebih banyak pelajar-pelajar perlu digalakkan untuk mengambil kursus tersebut di mana pihak universiti tempatan perlu digalakkan untuk mengadakan kursus-kursus tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai lebih daripada satu juta pekerja asing dan pendatang tanpa izin. Berbagai masalah sosial dan kesihatan telah timbul akibat kehadiran mereka. Dengan kedatangan mereka, berbagai primely penyakit seperti batuk kering, TB, leprosy, malaria dan lain-lain penyakit primely juga meningkat. Ini bermakna rakyat negara kita bukan sahaja didedahkan kepada penyakit-penyakit ini, bahkan mereka terpaksa bersaing dengan orang asing ini untuk

mendapatkan khidmat kesihatan. Di sini, saya ingin membangkitkan pertanyaan mengenai kos kesihatan kepada Malaysia daripada kedatangan pekerja asing: kos kewangan, kos kesihatan rakyat individu dan kos kesihatan masyarakat i.e. public health cost.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan merupakan satu keperluan asasi semua rakyat. Kita tidak dapat menafikan bahawa pembangunan ekonomi yang pesat yang dicapai oleh negara dan jumlah penduduk yang semakin bertambah menjadikan permintaan terhadap perumahan semakin meningkat. Kepsatan ekonomi juga menggalakkan kenaikan harga rumah sehingga hampir-hampir menekan golongan yang berpendapatan rendah dan miskin tersepit dalam arus pembangunan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, jumlah pembinaan rumah di bawah Skim Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) telah dikurangkan daripada 24,000 unit kepada 11,400 unit, manakala bagi skim perumahan khas pula, jumlah rumah dikurangkan dari 16,000 kepada 19 unit. Setakat ini 6,598 unit telah siap di bawah PAKR manakala bagi skim perumahan khas pula 9,000 unit lagi perlu dibina. Daripada 44,600 unit rumah kos rendah yang perlu dibina oleh badan-badan berkanun dan agensi-agensi 17,866 unit telah siap manakala 140,000 daripada 155,000 sudah disiapkan oleh sektor swasta.

Walaupun perangkaan ini boleh dikatakan membanggakan, namun demikian masalah adalah masih timbul. Kenaikan harga rumah tanpa sebab yang munasabah dan pembelian rumah kos rendah oleh golongan yang bukan

dari golongan berpendapatan rendah telah menyebabkan ramai dari golongan berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah unit kos rendah. Di samping itu, kekurangan kemudahan rekreasi di skim perumahan kos rendah juga menimbulkan masalah kepada penduduk khususnya kepada golongan muda. Misalnya tidak wujud padang permainan yang lengkap telah menyebabkan ramai kanak-kanak terpaksa bermain di jalan raya dan ini sangat merbahaya. Saya berharap pihak kementerian dan pihak berkuasa berkenaan dapat membuat rancangan rapi termasuk kemudahan infrastruktur dan rekreasi apabila hendak memulakan sesuatu projek perumahan kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, belia hari ini merupakan bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Pemuda tiang negara pemudi harapan bangsa, oleh itu pembentukan identiti generasi muda yang positif lagi produktif sangat penting dalam menjamin Wawasan 2020 negara tercapai. Kita tidak boleh cuai dalam usaha mendidik dan membimbing anak-anak muda kita ke jalan yang betul. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana melancarkan program Rakan Muda untuk menyemarakkan gaya hidup yang berkualiti dan berwawasan bagi membantu belia membentuk satu identiti diri yang positif.

Di samping itu, program ini dapat membantu membendung kegiatan yang tidak sihat dan gejala-gejala maksiat di kalangan belia dan seterusnya membangunkan kemantapan mereka. Suka saya tekankan di sini bahawa konsep Rakan Muda memang

merupakan satu program yang amat baik. Tetapi dari segi pelaksanaan 10 aktiviti utama Rakan Muda tersebut, kementerian akan menghadapi masalah sekiranya tidak menggariskan panduan dan cara pelaksanaannya untuk membolehkan penyertaan penuh dari golongan belia-belia.

Kementerian perlu membuat analisa keperluan belia, kewujudan infrastruktur dan kemudahan asas yang mencukupi serta penilaian prestasi setiap aktiviti yang telah dilancarkan.

Saya juga ingin mencadangkan Kementerian Belia dan Sukan bertindak lebih agresif untuk mendapat bantuan daripada pihak swasta dan badan-badan belia dan sukarela untuk menganjur dan menaja aktiviti-aktiviti Rakan Muda.

Tuan Yang di-Pertua, program Rakan Muda bukan sahaja dapat membina satu generasi yang positif, yang progresif, malah dapat menyemai nilai-nilai moral yang tinggi untuk mencegah gejala-gejala yang tidak diinginkan di kalangan belia seperti masalah bohsia, lepak dan penyalahgunaan dadah yang semakin ketara.

Masalah penagih dadah sudah lama menjadi satu masalah besar negara. Masalah ini amat perlu dikawal dengan rapi supaya tidak merebak hingga melumpuhkan negara. Menurut laporan Kementerian Dalam Negeri, negara ini sekarang mempunyai lebih kurang 180,000 penagih dadah. Dalam tahun 1994 sahaja seramai 28,750 orang penagih dadah telah dikesan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, seramai 11,672 orang atau 40% merupakan penagih baru dan 17,000 orang lagi iaitu 60% merupakan penagih berulang. Kajian menunjukkan bahawa 72%

daripada jumlah penagih dadah yang dikesan dalam tahun 1994 terdiri dari mereka yang berumur 16 tahun hingga 34 tahun iaitu satu lingkungan umur dalam mana terdapat paling ramai tenaga kerja yang aktif dan belia yang menjadi tulang belakang utama ekonomi negara.

Setiap tahun kerajaan telah membelanjakan beratus juta ringgit untuk melaksanakan program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan bagi tujuan membanteras masalah penagihan dadah di negara ini. Perangkaan dan situasi tersebut sudah cukup untuk menyedar dan menginsafkan kita betapa perlunya masalah penagihan dadah ini perlu di perangi secara berhabis-habisan, lebih-lebih lagi kebanyakan orang yang menghidap HIV lebih 90% juga dikaitkan dengan penagih dadah. Ini adalah sangat merbahaya dan jika masalah ini tidak ditangani, ia akan menyerang masyarakat kita. Dalam hubungan ini, baru-baru ini kerajaan telah mempertingkatkan penangkapan penagih-penagih dadah dan dihantar ke pusat-pusat serenti. Saya berharap keadaan di pusat serenti dapat diperbaiki dan memperkenalkan sistem kawalan yang lebih baik untuk memastikan penagih-penagih tersebut tidak mudah lari dari pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita mencapai kadar pembangunan ekonomi yang melebihi 8% setiap tahun sejak 8 tahun yang lepas, akan tetapi ekor dari perkembangan ekonomi yang pesat ini, masalah sosial juga kian berkembang. Masalah-masalah bohsia, pembuangan bayi, deraan kanak-kanak dan wanita dan sebagainya kian terjadi sejak kebelakangan ini. Setiap hari

terpampang berita dan laporan mengenai kanak-kanak didera dan bayi dibuang. Kejadian-kejadian ini menandakan gejala yang tidak sihat dan tidak bermoral telah menjelma dalam masyarakat kita. Misalnya, jumlah kes deraan kanak-kanak yang dilaporkan kepada kebajikan sosial dalam tempoh lima tahun daripada 1989 ialah 3,652 kes.

Walau bagaimanapun, tidak ramai pesalah di dakwa di mahkamah dan hanya 8 orang sahaja yang telah dihukum penjara atas kesalahan deraan kanak-kanak — 4 dalam tahun 1991; 2 dalam tahun 1992; dan 2 dalam tahun 1993. Dalam tahun 1993 sahaja, jumlah kes yang di laporkan ialah 1,390 kes. Daripada kes-kes ini, 42 orang yang disyaki telah dibebaskan dengan amaran; 7 orang ditahan; dan 45 orang pula dibebaskan oleh mahkamah.

Dari jumlah kes-kes tersebut, sebanyak 509 kes datang dari kaum Melayu; dengan diikuti oleh 293 kes dari kaum India; dan 237 kes dari kaum Cina. Dengan meningkatkan kes-kes ini, pihak kerajaan seharusnya bertindak segera membanteras penyakit sosial ini agar kanak-kanak yang tidak berdosa dan yang tidak dapat mempertahankan diri mereka tidak lagi menjadi mangsa keganasan ibu bapa dan penjaga mereka.

Satu cara yang amat berkesan ialah menjatuhkan hukuman yang lebih berat terhadap mereka yang sabit kesalahan penderaan kanak-kanak. Hukuman ringan yang dijatuhkan kepada tertuduh, sedangkan mangsa mengalami penderaan yang teruk seperti buta dan lumpuh tidak setimpal. Undang-undang yang ada sekarang patut dikaji semula dan segala kelemahan yang terdapat perlu

diperbaiki dan diperketatkan. Dalam usaha ini, kebajikan, kepentingan dan keselamatan kanak-kanak harus diutamakan.

Di samping itu, kemudahan-kemudahan kaunseling dan kemahiran keibubapaan, dengan izin, parenting skills harus diperluaskan. Ini amat penting kerana dalam zaman ini, ibu bapa menghadapi tekanan jiwa yang teruk dan sering sekali mereka tidak tahu bagaimana dan di mana hendak melepaskan tekanan tersebut. Apabila keadaan ini terjadi, mereka sering melepaskan geram ke atas anak-anak mereka. Ibu bapa ini perlu tempat bergantung dan mereka perlu diberi kaunseling untuk mengetahui cara mengatasi masalah tekanan yang dihadapi.

Selain daripada itu, ibu bapa perlu dilengkapi dengan berbagai kemahiran. Ini adalah kerana bukan semua ibu bapa dilahirkan dengan kemahiran keibubapaan yang baik dan semula jadi. Kemahiran ini hanya diperolehi melalui pengalaman. Ibu bapa perlu diajar dan dilengkapi dengan kemahiran keyakinan diri, ilmu pengetahuan, ilmu agama dan komunikasi agar dapat membina satu keluarga bahagia. Oleh yang demikian, pakar-pakar kaunseling memainkan peranan yang penting dalam membantu mereka mengatasi masalah deraan dan keganasan kanak-kanak dan wanita dalam masyarakat.

Pusat-pusat kaunseling perlu diperbanyakkan dan lebih ramai lagi para kaunselor perlu dilatih. Peruntukan kerajaan juga perlu dinaikkan dan kerajaan juga harus menggalakkan kerjasama yang lebih rapat dengan badan-badan bukan kerajaan dalam membanteras masalah sosial ini.

Tuan Yang di-Pertua, wanita negara ini seharusnya merasa bertuah kerana telah jauh lebih maju berbanding dengan keadaan wanita-wanita di negara-negara lain, terutamanya negara-negara yang sedang membangun.

Pada keseluruhannya, kemajuan yang dicapai oleh wanita dalam apa jua lapangan sangatlah membanggakan kita. Namun, masih wujud banyak lagi persoalan mengenai kebajikan dan kesejahteraan wanita sebagai ahli keluarga, anggota masyarakat dan sumber manusia yang mempunyai nilai ekonomi yang perlu ditangani dengan sungguh-sungguh dan penuh komitmen.

Walaupun wanita di negara ini telah mencapai satu kedudukan yang baik, namun masih terdapat golongan-golongan wanita yang terus terhimpit dengan berbagai masalah dan kesulitan dalam kehidupan sama ada dalam lingkungan kekeluargaan dan juga di luar rumah. Dalam lingkungan rumah tangga, ramai wanita yang terus mendapat layanan yang menjatuhkan martabat mereka. Wanita khususnya sebagai isteri terus menjadi mangsa tindakan suami yang tidak bertanggungjawab. Mereka yang mana menjadi sasaran suami yang ganas, ada yang tidak mendapat nafkah yang secukupnya dan ada yang ditinggalkan suami begitu sahaja.

Lebih malang lagi jika wanita-wanita yang teraniaya ini juga dibebaskan untuk menyara anak-anak yang masih kecil yang seharusnya menjadi tanggungjawab suami dan bapa. Oleh itu, saya menyeru supaya pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membela nasib wanita-wanita ini lebih komited dalam menguatkuasakan

segala perundangan yang digubal semata-mata untuk menegakkan hak wanita-wanita ini.

Banyak undang-undang yang digubal pada tahun 1990-an dan 1960-an sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan semasa. Undang-undang seperti Distribution Act 1958 dan Guardian of Infant Act 1961, dengan izin, perlulah dikaji semula supaya peruntukan-peruntukan yang tidak munasabah dipinda.

Sebenarnya, masih banyak undang-undang yang perlu kajian semula kerana sudah tidak sesuai lagi dalam konteks semasa. Saya menyeru supaya Bahagian Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri sentiasa peka dan bekerjasama dalam mengkaji semula semua perundangan, terutama yang membabitkan wanita dengan agensi-agensinya yang mentadbir undang-undang yang berkenaan.

Walau John Nisebit, the famous sociologist, dengan izin, meramalkan abad ke-21 sebagai abad kebangkitan lebih ramai wanita, namun di negara ini masih wujud sikap yang terus memandang rendah terhadap kemampuan wanita dan sikap chauvinistic ini merupakan satu halangan utama dengan usaha untuk benar-benar meletakkan wanita sebagai rakan seiringan dalam pembangunan negara.

Lebih parah lagi kalau sikap ini terus di anuti oleh sebilangan besar para perancang, pentadbir dan pegawai-pegawai kerajaan yang terus menganggap perjuangan menegakkan kesaksamaan dan keadilan wanita, perjuangan yang cuba menyekatkan atau mengambilalih kedudukan-kedudukan yang selama ini dinaggap sebagai hak lelaki sahaja.

Apa yang dituntut oleh wanita di Malaysia ialah peluang-peluang yang sama berasaskan kebolehan dan kemampuan dan bukan atas dasar jantina. Berapa ramai wanita yang memegang jawatan-jawatan tinggi di dalam agensi kerajaan seperti Pegawai Daerah? Berapa ramai wanita yang memegang jawatan-jawatan tinggi di sektor swasta seperti Pengarah Korporat? Kalau mediokritasi benar-benar menjadi kriteria dalam kenaikan pangkat, tentu lebih ramai wanita yang menduduki jawatan seperti Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah dan sebagainya. Wanita dan lelaki adalah sumber manusia yang amat penting untuk digerak supaya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Pembangunan wanita harus dilihat sebagai satu usaha membangunkan sumber yang amat terhad yang perlu digunakan secara optimum.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan wanita diberikan kedudukan yang sewajarnya, perlu ada perancangan yang rapi dan sistematik. Siapa yang harus melakukan perkara ini? Kita mempunyai Bahagian Hal Ehwal Wanita atau HAWA yang diletakkan di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Seharusnya HAWA memainkan peranan sebagai watch dog, dengan izin, bagi memastikan wanita tidak lagi terpinggir dari arus pembangunan dan mengawasi program pembangunan supaya tidak meninggalkan impak yang negatif terhadap wanita.

Adakah HAWA yang ada kini mampu melakukan ini semua? Dengan struktur yang ada sekarang, HAWA tidak mungkin mampu bertindak sebagai EPU bagi pembangunan

wanita. Komitmen yang lebih serius diperlukan agar HAWA diperlengkapkan dari segi kakitangan dan kewangan dan yang amat penting ialah pengiktirafan kerajaan sendiri terhadap status HAWA yang sehingga kini dilihat sebagai suatu organisasi pinggiran.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kebakaran tiga circuit kabel elektrik di bawah Jambatan Pulau Pinang pada 25hb Jun, pihak TNB perlu mengambil perhatian serius untuk memperbaiki keadaan ini dan memastikan keadaan ini tidak berulang lagi. Kerugian akibat dari putusnya bekalan elektrik ini adalah amat tinggi dan tidak mendatangkan imej yang baik kepada TNB serta iklim pelaburan di negara kita. Kita baru sahaja mengatasi masalah krisis tenaga yang melanda seluruh negara pada tahun 1993 akibat dari kekurangan bekalan elektrik, kini kejadian membabitkan kemusnahan tiga sirkit sambungan bekalan kabel di bawah Jambatan Pulau Pinang mencetuskan satu lagi isu baru dalam pembangunan bekalan tenaga elektrik negara.

Dalam usaha menangani permasalahan ini, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana mengambil tindakan segera dan mengarahkan kerja-kerja pembaikan dijalankan di dalam 24 jam. Di samping itu, kementerian juga telah mengarahkan TNB mempercepatkan pelaksanaan projek tambahan bekalan elektrik menerusi dasar laut untuk Pulau Pinang yang dianggarkan bernilai RM400 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TNB dan pembekal-pembekal elektrik swasta perlu

memastikan negara kita mempunyai pelan kecemasan atau alternatif perkhidmatan bekalan elektrik sedia ada untuk mengelakkan kerugian yang begitu besar. Di samping itu, negara kita juga perlu mempunyai pakar-pakar dan jurutera yang dapat memperbaiki kerosakan kabel dengan kadar segera.

Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, penggunaan elektrik adalah sentiasa meningkat dan kita perlu memastikan kepesatan pembangunan ini diimbangi dengan kemudahan asas yang secukupnya. Oleh itu, perancangan jangka panjang yang dapat memenuhi keperluan sektor perindustrian dan perdagangan adalah amat penting. Pelan kecemasan juga perlu diadakan supaya bekalan elektrik tidak terjejas apabila berlaku gangguan luar jangka. Pihak berkuasa dan TNB juga perlu mempunyai unit kawalan dan maintenance untuk memastikan kabel dan bekalan elektrik sentiasa dalam keadaan baik.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat negara kita berasa bertuah kerana kerajaan kita telah berjaya mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai kos sara hidup dan inflasi yang rendah. Kerajaan memandang berat tentang kenaikan kadar inflasi dan saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengambil langkah-langkah yang tegas dan cekap dalam pengurusan negara dan berjaya membendung inflasi ke tahap yang rendah. Hasrat kerajaan juga bercita-cita mencapai paras inflasi sifar walaupun dalam keadaan pembangunan ekonomi yang pesat. Ini merupakan matlamat kita dan usaha kita mengawal inflasi telah berjaya menempatkan negara kita di antara negara-negara yang dapat mengekalkan kadar inflasi rendah di

dunia. Kadar inflasi yang rendah akan membantu mengurangkan kos pengeluaran serta meningkatkan daya beli pekerja.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, walaupun pendapatan per kapita kita hari ini ialah US\$3,200 tetapi kuasa membeli per kapita ialah sama dengan US\$9,000 di Amerika Syarikat. Kerajaan hari ini telah melancarkan Hari Inflasi Sifar iaitu pada hari Sabtu pertama setiap bulan. Hari Inflasi Sifar akan mengingatkan pengguna dan perniaga bertindak lebih bertanggungjawab dan menyahut seruan kerajaan mengurangkan perbelanjaan dan memastikan barangan yang dibeli mendapat nilai terbaik bagi wang yang dibelanjakan. Saya berharap Kempen Hari Inflasi Sifar ini boleh mendapat sambutan menggalakkan dari semua pihak tidak kira sama ada dari para perniaga mahupun pengguna.

Dalam hubungan ini, saya mencadangkan Kempen Hari Inflasi Sifar perlu dikempen secara agresif, mendapat sokongan akhbar, mass media elektronik untuk memastikan semua pelosok rakyat sedar akan pentingnya mengawal inflasi dan cara-cara mengawalnya. Dengan adanya kerjasama semua pihak, saya yakin tahap inflasi sifar boleh dicapai. Tanpa inflasi rakyat boleh menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga ingin menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa tragedi tanah runtuh di Genting Highlands dan berdoa mereka yang cedera cepat sembuh. Pada masa ini bukanlah masa dan tempatnya menyalahi sesiapa tetapi apa yang lebih penting ialah menganalisa sebab-sebab kejadian ini

dan mengambil langkah-langkah mencegah tragedi sedemikian daripada berulang lagi. Kita di negara ini amat bertuah kerana kita jarang atau tidak sekali menghadapi bencana alam semula jadi yang berlaku di negara-negara lain seperti letupan gunung berapi, taufan dan gempa bumi. Pada hari semalam sahaja, satu gempa bumi telah berlaku di sekitar bandar Tokyo. Kita semua seharusnya mengasihi negara kita, dalam mengejar pembangunan kita tidak harus mengganggu kestabilan dan alam semula jadi secara membuta tuli. Kita harus memastikan bahawa kawasan bukit selamat, air negara bersih dan udara kita nyaman—that our hills are safe, our water is clean, our air is fresh, dengan izin. Dalam pada itu kita sepatutnya sentiasa mengambil peringatan tentang perlunya sustainable development, dengan izin. Adalah penting semua rakyat negara ini membentuk satu etika kerja Malaysia tersendiri dengan melakukan hal-hal yang baik dengan betul pada peringkat awalnya setiap masa. Dengan izin, we must develop our work of ethics of doing all the right things right the first time and all the time. Kita tidak harus mengamalkan post-mortem atau hanya menyelesaikan masalah yang timbul akibat perancangan awalan yang tidak memadai. Ini adalah kerana akibat daripada pembangunan yang tidak teratur dan tersusun yang menggangguimbangan ekologi semula jadi boleh mendatangkan hasil yang sungguh tragik seperti dalam tragedi tanah runtuh di Genting.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja antara perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini. Sebagai penutup saya ingin menegaskan segala kejayaan yang kita

capai sekarang bukan datang secara kebetulan. Kejayaan negara kita dicapai kerana kita mempunyai pemimpin yang bertanggungjawab dan berpandangan jauh, dapat bekerjasama dengan rakyat membangunkan negara tercinta ini. Bagaimanapun, kita tidak harus berpuashati, kita perlu melipat gandakan usaha bagi bersaing dalam dunia yang penuh cabaran dan memastikan rakyat negara ini terus menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

Saya juga mengulangi ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana merestui saya untuk menyokong usul ini. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Di-Raja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, di perbukaan Penggal Pertama Parlimen yang Kesembilan pada 8.6.95. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ng Yen Yen yang telah menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Di-Raja. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Puan Kalthom binti Haji Othman.

5.42 ptg.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah diberi kepercayaan untuk memimpin Dewan Negara ini dan saya bangun bersama-

sama untuk membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan per-sidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara penggal ini. Ketika Baginda bertitah menyebut bahawa kemenangan besar kerajaan sekarang yang diwakili oleh semua kaum membuktikan bahawa segala perancangan pembangunan dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 direstui oleh semua pihak.

Saya ingin juga memanjangkan ucapan tahniah kepada kerajaan Negeri Kelantan. Kemenangan besar kerajaan Negeri Kelantan yang ada sekarang juga membayangkan keyakinan rakyat Kelantan terhadap kerajaan negeri yang ada. Oleh itu pandangan rakyat Kelantan yang disuarakan dengan jelas dalam pilihanraya umum yang lalu perlu dihormati. Hak-Hak mereka sebagai rakyat perlu ditunaikan dengan sebaik mungkin. Hak-Hak mereka sebagai pembayar cukai juga perlu diberikan perhatian sebaik mungkin. Jangan kerana mereka tidak menyokong parti yang memerintah di pusat, maka hak mereka sepatutnya diperolehi daripada kerajaan pusat di ketepikan.

Misalnya, mereka juga adalah pembayar cukai jalan raya. Oleh itu, usaha kerajaan pusat melalui seorang Menteri yang hanya mahu membina lebuh raya baru Timur-Barat setakat Jerteh-Terengganu sahaja adalah tidak tepat. Ini kerana rakyat Kelantan juga berhak mendapat jalan raya yang baik.

Sejarah 5 tahun yang lalu perlu diperbetulkan. Jangan geran wajib yang sepatut diberikan oleh kerajaan pusat berdasarkan jadual yang telah dipersetujui bersama dilengah-

lengahkan, tidak perlu ditunggu bulan November ataupun Disember setiap tahun, barulah geran yang wajib itu hendak dihantarkan.

Kerajaan Kelantan yang ada sekarang adalah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Sebagaimana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memuji rakyat kerana membuat pilihan yang bijak dalam pilihanraya yang lalu, rakyat Kelantan juga dengan secara automatiknya tidak boleh diperbodohkan dengan diskriminasi-diskriminasi yang tidak wajar sebagaimana yang telah berlaku di sepanjang tempoh 5 tahun yang lalu. Ini kerana mereka adalah rakyat negara ini. Mereka juga pembayar cukai untuk kerajaan pusat yang ada sekarang.

Sebagaimana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, keputusan pilihanraya umum yang lalu jelas membuktikan bahawa laporan yang menyatakan tidak wujudkan persepaduan kaum di negara ini tidak timbul. Saya sekali lagi ingin memperpanjangkan idea ini bahawa segala laporan berat sebelah media massa negara ini telah ditolak oleh rakyat Kelantan dan mereka mahu kerajaan di bawah pimpinan Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan yang ada ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas pencapaian ekonomi yang baik di negara kita ini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Baginda, ekonomi Malaysia akan terus berkembang kepada tahap 8.9% di tahun akhir Rancangan Malaysia Keenam ini. Saya juga mengingatkan tanggungjawab kita

ketika kita menikmati perkembangan ekonomi yang pesat ini, kita jangan lupa sekali-kali tanggungjawab sosial kita. Jangan kita berbangga dengan pendapatan per kapita kita yang kita jangka RM9,940 sebulan itu menjelang penghujung Rancangan Malaysia Keenam ini.

Kalau kita lihat secara mata kasar pun, berapa keratkah dari kalangan kita yang mempunyai pendapatan setinggi itu sebulan. Kita bimbang kalau-kalau peningkatan itu bukan membayangkan peningkatan kepada pendapatan rakyat sebenarnya. Tetapi hanya peningkatan pendapatan syarikat-syarikat multinational yang ada di negara kita sekarang. Kita bimbang kalau-kalau pendapatan rakyat kekal di tahap lama. Tetapi yang meningkat adalah pendapatan mereka ini.

Saya juga ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa kecenderungan pakar-pakar ekonomi di dunia untuk menolak ukuran pendapatan per kapita ini sebagai satu indikator yang tepat dalam menilai mutu kehidupan sesebuah masyarakat. Mereka memasukkan lebih banyak lagi kriteria yang perlu untuk menilai mutu kehidupan seseorang individu dalam masyarakat. Mereka ini mula cenderung menolak pendapatan per kapita ini sebagai satu indikator yang tepat. Antara indikator lain yang perlu diambilkira adalah mutu udara, kadar jenayah, peratus keputusan peperiksaan dan kos sara hidup. Ada juga yang menambah kadar kematian bayi, bilangan doktor setiap ribu rakyat dan sebagainya untuk dijadikan indikator dalam menilai mutu kehidupan manusia di sesuatu tempat itu.

Atas dasar-dasar itu, saya berpendapatan, rakyat Kelantan antara rakyat bertuah di negara ini. Udaranya bersih tanpa banyak dicemari oleh kilang-kilang yang tidak terkawal. Kadar jenayahnya di antara terendah sekali di negara ini iaitu di tempat ke-11 dan keputusan baik dalam bidang akademik setiap kali peperiksaan diadakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucap tahniah di atas kesungguhan kerajaan yang ada sekarang dalam usahanya mengutamakan industri berteknologi tinggi dan industri berat yang canggih disamping mengurangkan pergantungan kepada tenaga-tenaga asing. Saya mengucapkan tahniah di atas kesungguhan kerajaan menghadapi kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini.

Tuan Hanipah bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Saya ingin mendapat maklum, kepada kerajaan manakah yang telah ditujukan dengan ucapan terima kasih itu? Adakah kepada kerajaan pusat ataupun kepada kerajaan di Negeri Kelantan iaitu kerajaan PAS?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Cakaplah dua-dua.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya mengucap tahniah di atas kesungguhan kerajaan menghadapi

kemasukan pekerja-pekerja asing ke negara ini. Saya berharap dasar *jus soli* yang dilaksanakan oleh penjajah dahulu dalam membawa masuk pekerja-pekerja ke negara ini tidak berulang lagi.

Kita rasa serik dengan dasar itu yang keuntungan cepat, tetapi kita sebagai pewaris negara ini yang menghadapi masalahnya. Bukan kita tidak hormati rakan-rakan kita dari keturunan Cina dan India yang ada di negara kita sekarang, tetapi cukuplah masalah yang ada, jangan ditambah lagi. Saya pinjamkan perkataan Yang amat Berhormat Perdana Menteri kita, "jangan jadikan warganegara kita lagi caca-murba".

Saya mengucapkan tahniah juga ke atas kesedaran kerajaan untuk memberikan penekanan pelaksanaan program pengeluaran bahan makanan yang lebih bersepadu bagi menambah bekalan makanan melalui Dasar Pertanian Negara. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, PAS telah membuat saranan dasar ini semasa membentangkan Kertas Kerjanya untuk Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) sebelum tahun 1990 lagi dalam kertas yang bertajuk "Falsafah dan Strategi Ekonomi Negara Selepas Tahun 1990: Pandangan dan Saranan daripada Parti Islam SeMalaysia (PAS)", PAS juga menekankan di permulaan cadangannya lagi betapa pentingnya kita mengamalkan dasar keselamatan makanan (food security). Terima kasih kepada kerajaan kerana mulai sedar perkara ini dan mahu menjayakan gagasan PAS itu.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin membaca

sebahagian kandungan cadangan bertulis PAS untuk MAPEN:

"Sumber makanan merupakan keperluan asas negara. Sehingga sekarang belum lagi diwujudkan rancangan ekonomi jaminan makanan (food security) untuk memenuhi keperluan negara. Rancangan tanah Felda yang seluas 784,800 hektar itu hanya ditumpukan kepada program pertanian yang bukan merupakan sumber makanan negara. Tanaman seperti kelapa sawit, getah, sedikit koko dan tebu lebih merupakan tanaman komersil yang tidak menjamin keperluan makanan asasi rakyat. Sumber makanan negara sehingga kini masih bergantung kepada import dari luar negeri. Selepas tahun 1990, kerajaan hendaklah memberi tumpuan yang lebih dalam membangunkan projek pertanian makanan".

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Bila surat itu ditulis, Yang Berhormat?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Ada buku.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Oh, buku. Buku PASlah tu? Sila teruskan.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Berdasarkan kepada Titah Ucapan Baginda, saya bagi pihak Parti Islam PAS mengucapkan terima kasih di atas komitmen kerajaan melalui Titah Yang di Pertuan Agong dan Dasar Pertanian Negara itu yang mahu memberikan tumpuan yang lebih kepada 'food security' ini, terutama di zaman dunia yang tidak stabil dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang

menjadi semacam boneka kuasa-kuasa besar ini. Kita berharap Titah ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat.

Industri padi dan beras negara biarlah benar-benar mampan sesuai denan kedudukan yang telah diswastakan dengan nama BERNAS. Biarlah padi yang kita hasilkan itu benar-benar bernas, bukan hampa dan kosong. Biarlah kita mengimport getah ataupun koko, tetapi dalam masa yang sama keperluan makanan asasi kita iaitu beras terjamin.

Oleh kerana saya wakil daripada Kelantan, saya ingin menyatakan bahawa dasar yang telah dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan, iaitu Kerajaan Negeri Kelantan berazam mahu menjadikan Kelantan pengeluar bahan makanan berasaskan pertanian yang utama di negara ini menjelang tahun 2000 nanti, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Baginda juga, industri bekalan elektrik telah dibuka kepada pihak swasta bagi memenuhi keperluan tenaga elektrik menjelang tahun 2000 nanti. Walaupun ragu akan niat dan tujuannya, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha awal ini bagi menghadapi krisis tenaga elektrik di negara kita ini.

Saya juga ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengkaji pelaksanaan kepada dasar ini, lebih-lebih lagi saya ingin minta kepada Ahli Yang Berhormat khususnya daripada Terengganu, mengkaji pelaksanaan penswastaaan bekalan tenaga elektrik ini. Saya mendapat maklumat bahawa perjanjian projek penswastaaan ini tidak ditandatangani sendiri oleh Pengerusi TNB, iaitu Tan Sri Ani Arope. Ia hanya

ditandatangani oleh pegawai-pegawai di bawah beliau sahaja. Ini maklumat yang saya terima. Tolong betulkan maklumat ini jika ianya tidak tepat. Jika ianya benar, kenapa? Adakah ini ia sengaja dilakukan ataupun masalah teknikal sahaja? Saya katakan ini kerana adanya banyak perkara yang berhubung dengan perkara jualan/belian tenaga antara TNB dengan pembekal. Ini yang tidak logik dan tidak diterima oleh tokoh seperti Pengerusi TNB ini. Tambah lagi, dengan persoalan ada seorang anak Perdana Menteri sebagai Ahli Lembaga Pengarah kepada salah satu pembekal tenaga bebas yang awal ini, iaitu YTL Power Generator. Dan saya pohonkan Menteri yang berkenaan menjelaskan agar nama baik Perdana Menteri dapat dibersihkan.

Datuk Johan B.O.T. Ghani:
(Bangun)

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Datuk Johan B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, salahkah salah seorang anak Perdana Menteri ataupun mana-mana Menteri menjadi pengarah ataupun director dalam satu kompeni yang disebutkan tadi itu?

Puan Kalthom binti Haji Othman:
Apa maksudnya?

Datuk Johan B.O.T. Ghani: Maksudnya, kalau anak Perdana Menteri dan anak mana-mana Menteri menjadi ahli Lembaga Pengarah seperti yang disebutkan tadi, adakah itu menjadi satu kesalahan?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya sebenarnya minta penjelasan daripada pihak Menteri yang

berkenaan supaya perkara ini jelas, kerana ini maklumat yang saya katakan tidak tepat.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, maklumat yang tidak tepat. . . .

Puan Kalthom binti Haji Othman: Ya, saya kata, kalau maklumat saya ini tidak tepat, minta penjelasan daripada Menteri yang berkenaan. . . .

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Kalau boleh, biar yang tepatlah, sebab dalam Dewan yang mulia ini kalau kita bercakap itu biar yang tepat-tepat sahaja. Jadi, kita boleh. . . .

Puan Kalthom binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, kita tanya kepada yang berkenaan supaya memberi penjelasan maklumat. . . .

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Beri saya bercakap dulu! Saya Yang di-Pertua, beri saya bercakap dulu!

Puan Kalthom binti Haji Othman:
Ya.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Kalau boleh, Ahli-ahli Yang Berhormat hendak memberi kenyataan, biar perkara-perkara yang jelas dan tepat. Kalau hendak bertanya, kita tidak boleh menyentuh masalah terus peribadi seseorang. Jadi, kalau kita hendak bertanya, adakah benar sesuatu syarkat ini telah memasuki tender ini? Sila siasat siapakah Lembaga Pengarahnya? Itu boleh. Ia tidak menyentuh masalah peribadi seseorang, silakah sambung.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi teguran yang membina.

Sebagaimana ucapan Ahli Parlimen Marang dalam Dewan Rakyat, saya mewakili PAS menyokong penuh program untuk mencapai paras Inflasi Sifar sebagaimana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kami sokong kerana usaha itu perlu dibuat, ini kerana akibat daripada perbelanjaan yang melampaui batas dalam kempen pilihanraya yang lalu untuk membeli undi rakyat, khususnya di Kelantan. Harga barangan mulai meningkat dengan pesatnya sebaik sahaja pilihanraya selesai.

Bagi saya, teori kenaikan harga barangan ini mudah sahaja. Dalam pilihanraya baru-baru ini. . .

Tuan Hanipah bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, ada yang minta laluan daripada Yang Berhormat Tuan Hanipah, boleh?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Apakah ada kaitannya perbelanjaan pilihanraya dengan kempen Inflasi Sifar, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Oleh kerana wang kita keluar banyak, sudah tentulah bagi pihak ahli-ahli perniagaan untuk mendapat keuntungan atau imbuhan balik, maka terpaksa melakukan kenaikan barang walaupun kita sedar bahawa kerajaan telah membuat pengawasan, tetapi berlaku di mana-mana sahaja kenaikan barang.

Tuan Hanipah bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Ada lagi?

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya soalan sedikit. . .

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Nanti dulu! saya nak tanya kepada Yang Berhormat Puan Kalthom, dibenar atau tidak laluan kepada Yang Berhormat Tuan Hanipah?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Saya tak benar dah!

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Sudah tak benar dah! Ha, jalan! (Ketawa) Panjang lagi, Yang Berhormat?

Puan Kalthom binti Haji Othman: Sedikit lagi.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Sedikit. Cepatkanlah, sila.

Puan Kalthom binti Haji Othman: Sebab banyak gangguan, lambatlah sedikit.

Bagi saya, teori kenaikan harga barang ini mudah sahaja. Dalam pilihanraya baru-baru ini, tokoh korporat dan ahli-ahli perniagaan telah diminta oleh calon-calon yang tertentu, khususnya kementerian-kementerian yang berkaitan dengan wang untuk membantu mereka. Hasilnya, wang daripada ahli-ahli perniagaan ataupun ahli korporat ini datang mencurahkan bagai gugurnya daun-daun kering. Bagi ahli perniagaan, pilihanraya adalah satu pelaburan. Maka oleh sebab itu, untuk kita membendung politik wang ini hendaklah kerajaan membuat sesuatu supaya perkara ini tidak akan berlaku.

Saya ingin menyentuh Titah Baginda mengenai kebanggaan Baginda terhadap usaha untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Saya pohon kepada pihak kerajaan supaya membuat penyiataan kepada program-program, atau peruntukan yang telah digunakan dalam program pembangunan luar bandar. Kerana dalam pilihanraya baru-baru ini, saya melihat khususnya di Negeri Kelantan ada setengah kawasan-kawasan yang digunakan dengan peruntukan pembangunan luar bandar sehingga dikatakan kawasan kemajuan itu berlaku dengan keadaan berkelompok—tidak menyeluruh di Negeri Kelantan.

Saya juga ingin mencadangkan pihak kerajaan agar turut melaksanakan dasar rumah kos rendah, hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi 3 bilik, ini kerana ia amat sesuai dengan prinsip keperluan asas sesebuah keluarga.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya juga mengucapkan tahniah kepada beberapa buah negeri yang telah menerima pakai syarat yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Kelantan sebelum ini.

Saya juga ingin menyentuh masalah yang disebut oleh Baginda dalam usaha kerajaan untuk membanteraskan segala jenis penyelewengan, pelampau agama demi memelihara kemurnian ajaran Islam. Oleh kerana Islam ialah agama yang diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui Rasulullah s.a.w. untuk menjadi pegangan dan panduan kepada seluruh umat manusia di dunia, tidak mengira bangsa. Islam juga agama penyatuan ummah dan perundangan Islam

menjadi keadilan kepada alam sejagat. Oleh itu, saya benar-benar ingin mengharapkan kepada kerajaan supaya membuat penyusunan semula ataupun supaya merancangkan satu perancangan untuk memberi kesedaran kepada khususnya rakyat di Malaysia ini, bahawa dengan Islamlah dapat menyatupadukan umat manusia dan Islam adalah satu-satu agama yang dapat memberi keagungan kepada cara hidup manusia dan Islam adalah agama yang menyeluruh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Kian Sit Har.

6.03 ptg.

Puan Kian Sit Har: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kerajaan Barisan Nasional telah mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pilihanraya umum kesembilan yang baru lepas. Bilangan kerusi yang telah dimenangi ialah sebanyak 162 daripada 192 kerusi yang telah dipertandingkan. Kemenangan ini telah meletakkan Barisan Nasional di mercu kejayaan yang amat dibanggakan. Bilangan kerusi parti pembangkang telah dikurangkan kepada 30 kerusi. Dalam sisem demokrasi, kemenangan ini telah menunjukkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan pimpinan Barisan Nasional. Dalam pilihanraya ini juga jelas menunjukkan pengundi-pengundi Cina telah berpaling balik kepada kerajaan dengan memberikan sokongan dan kelebihan majoriti yang besar. Ini juga telah memperlihatkan

bahawa segala dasar Barisan Nasional yang liberal, bermanfaat dan bertimbang rasa diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Kestabilan politik dan kemakmuran negara adalah bukti yang nyata.

Beberapa tahun kebelakangan ini, pertumbuhan ekonomi sebanyak 8% telah mendorong taraf kehidupan rakyat bertambah baik, dengan mandat yang besar daripada rakyat Barisan Nasional harus menggunakan peluang ini untuk menguatkan lagi kerajaan negara dengan dasar-dasar yang lebih baik, yang bakal membawa kemakmuran dan kecemerlangan yang lebih unggul. Di samping itu, kerajaan juga harus meneliti dan mengatasi segala dasar-dasar yang difikirkan tidak sesuai dan tidak adil kepada rakyat negara ini.

Kita sedia maklum bahawa tunjang kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara banyak bergantung kepada sistem pendidikan negara itu sendiri. Rakyat negara kita terdiri daripada berbagai kaum harus digemblengkan tenaga. Pada dasarnya setiap rakyat negara ini dapat bertutur dalam dua bahasa, tetapi dengan perkembangan masa dan keperluan di peringkat antarabangsa penggunaan bahasa Cina juga telah meningkat. Maka dengan itu, telah tiba masanya bahasa Cina diberikan penekanan yang sesuai. Adalah disyorkan bahawa pihak kerajaan dapat memberikan perhatian dengan:

- (i) mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina bagi menampung keperluan dan perkembangan semasa.
- (ii) menghulurkan bantuan dan peruntukan tetap serta

kelengkapan-kelengkapan kepada sekolah-sekolah tersebut.

- (iii) memberikan peruntukan tetap kepada sekolah-sekolah per-sendirian Cina kerana sekolah-sekolah tersebut juga turut mendidik anak-anak bangsa negara ini.

Saranan Wawasan 2020 oleh Perdana Menteri kita ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang maju berteknologi tinggi lagi canggih. Dengan peningkatan pendidikan segala gejala sosial yang buruk dapat diatasi.

Selain daripada sekolah-sekolah dan pusat-pusat pengajian tinggi yang didirikan oleh kerajaan, kerajaan juga harus menggalakkan lebih banyak pihak swasta untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Pendidikan yang sempurna dapat melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermoral dan gejala-gejala bohsia, penderaan kanak-kanak dan lain-lain dengan sendirinya dapat diatasi. Maka dengan itu adalah diharapkan pihak kerajaan dapat mengambilkira aspek-aspek ini demi kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Akhirnya, saya menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Dato' V.K.K. Teagarajan.

6.08 ptg.

Dato' V.K.K. Teagarajan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-setinggi tahniah dan terima

kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang telah menyampaikan Titah Ucapan yang sangat bernas dan amat bermakna pada perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Yang Kesembilan pada 8hb Jun yang lalu.

Sesungguhnya Titah Ucapan Baginda itu amat berguna sebagai panduan kepada seluruh ahli Dewan khasnya anggota Kabinet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan juga anggota pem-bangkang. Titah Ucapan itu memberi kefahaman yang mendalam kepada seluruh Ahli Parlimen dan rakyat jelata untuk memberi sumbangan, jasa bakti kepada bangsa dan negara kita iaitu dengan bekerja lebih gigih dan berkesan lagi untuk mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang iaitu ekonomi, sosial, budaya dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sempena dengan Persidangan Pertama, Penggal Pertama Parlimen yang Kesembilan Dewan Negara, izinkan saya untuk menyampaikan beberapa perkara dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, dari segi pembangunan masyarakat, diucapkan syabas dan tahniah kepada pucuk pimpinan kerajaan kita kerana sehingga kini kita telah berjaya mewujudkan rupa bangsa Malaysia yang dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni dengan semangat perpaduan yang tinggi. Ini menunjukkan suasana negara kita tetap aman dan stabil sehingga mampu menarik kepercayaan dan keyakinan negara-negara luar untuk menanam modal di sini. Kejayaan ini semuanya

tercapai adalah hasil daripada dasar pemerintahan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang adil dan saksama.

Pada masa ini, masalah perkauman bolehlah dikatakan sudah tiada lagi seperti mana yang pernah wujud dalam tahun-tahun dekad 60-an, 70-an dan awal 80-an dahulu. Ini dibuktikan melalui pilihanraya umum baru-baru ini apabila isu yang sensitif ini tidak berjaya digunakan. Kejayaan ini dicapai kerana berkat dasar dan usaha kerajaan yang sentiasa mementingkan keadilan dan kesejahteraan terutamanya, sejak lapan tahun yang lepas. Walaupun negara kita sudah mencapai kejayaan yang tinggi, tetapi masih terdapat segolongan kecil ahli masyarakat yang tercicir dan ketinggalan dalam arus perkembangan ekonomi dan sosial negara ini. Oleh hal yang demikian, sukacitalah disyorkan supaya golongan masyarakat minoriti yang tidak dapat sama-sama mencapai kekayaan negara akibat peluang yang sama untuk mendapat bantuan dan subsidi serta kemudahan-kemudahan yang ada dengan diberi kuota mengikut Dasar pembangunan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua, masyarakat orang India di negara ini pada amnya tergolong dalam dua sektor utama iaitu perladangan dan perniagaan kecil. Pada umumnya mereka ini masih ketinggalan dalam bidang ekonomi dan masalah mereka masih banyak yang tidak dapat diatasi. Contohnya yang hampir ialah daripada segi perniagaan, iaitu bidang pekerjaan yang sudah lama diceburi oleh mereka didapati masih berada pada tahap yang rendah. Antara masalah yang berkaitan

dengan perkara ini ialah kekurangan sumber tenaga manusia, kekurangan kemudahan kredit, kekurangan kemudahan latihan kemahiran dan kekurangan tenaga sokongan iaitu dalam bidang mendapatkan pekerja mahir dan separuh mahir untuk perkhidmatan penyeliaan dan pengurusan.

Oleh hal yang demikian, adalah dengan sukacitanya disyorkan agar perancangan untuk bantuan kepada penduduk-penduduk di dalam golongan ini khasnya yang terdapat di ladang-ladang diambil perhatian yang sewajarnya tentang meningkatkan taraf hidup dan kebajikan mereka. Daripada segi perniagaan kecil dan runcit pula, untuk mengatasi masalah yang telah disebutkan itu adalah disyorkan supaya pihak kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai dan berkesan untuk membantu lagi perniagaan peniaga-peniaga kecil dan runcit dengan cara-cara sesuai. Pada pandangan saya ialah, dengan cara menolong mereka mengatasi masalah mendapatkan pekerja dan kemudahan kredit. Dengan cara-cara seperti itu, secara tidak langsung peniaga-peniaga kecil dan sederhana akan dapat mengatasi masalah mendapatkan tenaga pekerja dan bantuan modal dan ini akan dapat meningkatkan kemajuan mereka. Apabila perniagaan kecil dan tradisional ini meningkat maju, maka masalah inflasi yang menjadi masalah negara pada masa ini akan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, di sini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan untuk menubuhkan

skim amanah saham yang terbuka kepada semua kaum di bawah umur 30 tahun. Kita menunggu rancangan yang amat baik ini dapat disegerakan. Walaupun rancangan ini amat baik tujuannya tetapi dikhuatiri faedahnya hanya akan dapat dinikmati oleh orang-orang yang berkemampuan sahaja manakala mereka daripada golongan sederhana dan miskin tidak dapat merebut peluang yang sama. Oleh itu, disyorkan supaya langkah-langkah yang elok diambil supaya syarat umur yang dicadangkan itu tidak akan menghalang penyertaan yang menyeluruh merentasi semua golongan taraf hidup.

Tuan Yang di-Pertua, yang keempat, saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mempunyai pandangan jauh dan kesedaran mewujudkan Kementerian Pembangunan Usahawan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed. Ini menunjukkan kerajaan amat mengambil berat tentang peranan usahawan dalam pembangunan negara. Dengan cara ini juga, pedagang-pedagang melalui gabungan Dewan Perniagaan mereka boleh memberi sumbangan yang lebih berkesan dan aktif lagi sama ada di dalam atau di luar negara. Oleh kerana golongan dewan-dewan perniagaan telah banyak memberi sumbangan ke arah memajukan sektor ekonomi secara suka rela, maka disyorkan golongan ini diberi kelonggaran pembayaran cukai dan peruntukan yang tertentu daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kepada taraf

kewarganegaraan. Saya mengesyorkan supaya:

- (i) orang yang lahir di sini sebelum, pada dan selepas Hari Malaysia kerana kejahilannya diberi pertimbangan dan peluang mendapatkan taraf kewarganegaraan;
- (ii) orang yang tinggal di negara ini dalam tempoh tertentu yang dikehendaki tetapi ingin menjadi warganegara ini serta mempunyai kelakuan yang baik dan boleh bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu diberi peluang menjadi warganegara kerana mereka ada sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masa pun tidak cukup dan tidak payahlah saya bercakap panjang-lebar.

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu minit lagi.

Dato' V.K.K. Teagarajan: Tak payah, beri kepada Yang Berhormat lain bercakap. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

6.15 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan terima kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada 8hb Jun 1995. Titah Baginda telah merangkumi dan

menyentuh semua aspek dari segi ekonomi, pembangunan luar bandar, pembangunan sosial dan keselamatan

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kemenangan cemerlang Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kesembilan yang telah diadakan pada April lepas. Mandat dan kepercayaan daripada rakyat tersebut membuktikan kewibawaan kerajaan Barisan Nasional dalam menjalankan semua dasar dan tanggungjawab terhadap rakyat. Kita boleh berasa bangga dengan kemenangan tersebut kerana ialah kemenangan terbesar pihak kerajaan dalam sejarah politik negara. Kita juga patut berterima kasih atas kebijaksanaan rakyat berbilang kaum di negara ini yang telah membuat pilihan yang bijak melalui proses demokrasi untuk masa depan mereka demi untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, Wawasan 2020 telah memberi cabaran kepada kita terutama sekali masyarakat bumiputera yang tinggal di luar bandar yang telah ketinggalan di belakang, seperti di hulu-hulu sungai dan juga di pelosok Negeri Sarawak. Keadaan sekarang memerlukan penilaian dan pengubahsuaian bukan sekadar semasa sekarang, malah untuk masa hadapan. Ianya juga mendaki perancangan dan pembangunan hasil-hasil untuk kebaikan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua telah ketahui bahawa tahun ini adalah merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam dan kita bangga kadar ekonomi terus

berkembang pada tahap 8.9% dengan perkembangan yang membanggakan. Adalah diharapkan agar Kerajaan Persekutuan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap pembangunan luar bandar, khasnya di Sarawak. Pembangunan infrastruktur adalah amat penting bagi kawasan luar bandar terutama di Sarawak seperti jalan-jalan kecil ke daerah-daerah yang selama ini menggunakan jalan air dengan sampan atau bot-bot kecil. Dengan terbina jalan-jalan tersebut sudah tentu akan menguntungkan rakyat di kawasan luar bandar untuk membawa hasil-hasil tanaman mereka ke pekan-pekan berdekatan. Ini akan membolehkan penambahan dari segi pendapatan kepada penduduk setempat.

Adalah diharapkan juga pihak Kerajaan Persekutuan memberi pertimbangan untuk meningkatkan perkembangan industri-industri kecil seperti kilang memproses kelapa sawit, getah dan sebagainya di pedalaman yang kita akan menggunakan jalan-jalan di masa akan datang untuk membolehkan penduduk setempat menjual hasil ladang mereka kepada kilang-kilang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang kita dapat usahakan dan dipertimbangkan. Perkara-perkara yang harus diberi perhatian yang serius adalah dalam bidang pembangunan sosial. Kesenambungan perjuangan rakyat adalah bergantung kepada persiapan jenerasi muda sekarang. Program Rakan Muda merupakan cetusan dan terbitan dari Wawasan 2020 dalam membentuk identiti bangsa Malaysia agar mereka mempunyai pegangan nilai tinggi lagi murni. Tujuan Rakan Muda adalah generasi muda

yang merupakan penunjang dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara maju, penguasaan ilmu, etika, teknologi, usaha, azam dan cita-cita tinggi. Penglibatan semua adalah amat perlu bagi menjayakan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hasrat dan keyakinan kerajaan terhadap pembangunan belia melalui Rakan Muda, adalah diharapkan agar Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang lebih untuk program tersebut khasnya di Sarawak. Peruntukan tersebut adalah amat diperlukan memandangkan saiz Negeri Sarawak yang hampir sama besar dengan Semenanjung Malaysia. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab mengendalikan program Rakan Muda dapat memperluaskan program-program kegiatan belia diseluruh pelosok Negeri Sarawak. Ini mungkin membolehkan belia-belia daripada luar bandar turut serta dalam apa bidang yang mereka minati untuk menggalakkan mereka berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mendapatkan pekerjaan. Kegiatan-kegiatan sukan adalah sudah tentu akan membina masyarakat muda yang sihat jauh dari kegiatan maksiat seperti penyalahgunaan dadah, lepak, bohsia dan lain-lain lagi.

Tuan Yang 'Terutama', seperti Titah Yang di-Pertua Agong telah terdapat.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Janggu, bukan 'Tuan Yang Terutama'.
(Ketawa)

Tuan Janggu Anak Banyang: 'Tuan Yang di-Pertua'.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tak sampai ke situ.

3 JULAI 1995

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, seperti Titah Yang di-Pertuan Agong kini terdapat hanya sebilangan kecil rakyat termiskin di kawasan-kawasan tertentu yang diberi tumpuan khas oleh kerajaan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin, dengan mengemblem tenaga semua jentera kerajaan. Oleh yang demikian, saya memohon kepada Kerajaan Persekutuan agar mempercepat bantuan kepada golongan tersebut, terutama di Sarawak, khususnya dalam bentuk penyediaan projek-projek rumah murah untuk mereka yang berpendapatan rendah. Golongan bekas tentera dan polis harus diberi perhatian khas memandangkan jasa-jasa mereka sewaktu bertugas mempertahankan maruah negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan agar mempercepat peruntukan bagi pembangunan luar bandar di Sarawak agar semua kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan telefon dapat dinikmati oleh rakyat di luar bandar demi untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Tuan Janggu, betul-betul tamat 6.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KESEMBILAN
8 Jun 1995

**TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG X
TUANKU JA'AFAR IBNI ALMARHUM
TUANKU ABDUL RAHMAN**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim,
Assalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Kesembilan pada hari ini.

Beta ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan memanda Beta, Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah diberi mandat semula oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum Kesembilan pada 25 April 1995 untuk terus mentadbir negara ini bagi tempoh lima tahun berikutnya. Pilihanraya Umum yang berlangsung baru-baru ini telah berjalan dengan lancar tanpa berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Kejayaan tersebut serta kemenangan besar Kerajaan sekarang yang diwakili oleh semua kaum membuktikan bahawa segala rancangan pembangunan negara dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 direstui oleh semua pihak. Beta memuji kebijaksanaan rakyat semua kaum di negara ini yang telah membuat pilihan yang bijak melalui proses demokrasi. Ini merupakan satu kejayaan Malaysia memantapkan satu proses demokrasi yang dinamis, sebagai wadah perjuangan dan pembangunan dan sebagai forum musyawarah yang dapat menyatupadukan rakyat. Malaysia kini sedang melangkah ke abad kedua puluh satu dengan penuh keyakinan sebagai salah sebuah negara paling makmur, stabil dan aman di dunia. Kini dunia mengakui dan menghormati usaha-usaha pembangunan, dasar-dasar Kerajaan yang konsisten dan berkesan serta kejayaan ekonomi Malaysia.

Sehubungan itu rakyat sekalian wajarlah bersyukur kerana negara kita dapat mengekalkan suasana yang harmoni meskipun negara ini mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Keputusan Pilihanraya Umum Kesembilan baru-baru ini jelas membuktikan bahawa segala laporan yang menyatakan tidak wujud perpaduan kaum di negara ini adalah tidak berasas sama sekali kerana kejayaan besar Kerajaan sekarang dalam pilihanraya umum yang baru lepas menjadi bukti sokongan padu rakyat dari segenap lapisan yang secara langsung menolak politik perkauman yang sempit. Semua pihak wajarlah terus berusaha mendorong membina kekuatan bangsa dan tidak untuk mengadu-domba dengan meniupkan api perkauman dan pelampau agama.

3 JULAI 1995

Beta bersyukur kerana sepanjang tahun 1994 sehingga sekarang negara kita terus dapat mengekalkan kedamaian, kemakmuran dan keadilan yang telah kita nikmati selama ini. Suasana ini adalah hasil usaha kita bersama yang harus dikekalkan. Semoga dengan kegigihan dan usaha murni ini, Allah Subhanahu Wataala akan terus memberikan limpah kurniaNya yang tidak terhingga agar wawasan negara tercapai melalui Kerajaan yang adil dan efisien.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Tahun ini merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam dan ekonomi Malaysia dijangka akan terus berkembang pada tahap 8.9 peratus. Dengan itu, pendapatan per kapita pula dijangka meningkat kepada RM9,940. Pencapaian negara ini juga dicerminkan dalam arena perdagangan antarabangsa di mana peningkatan tahap perdagangan semakin ketara manakala barangan eksport yang berkualiti yang dipasarkan dengan meluas menunjukkan dayasaing negara yang kian meningkat.

Sektor pembuatan dijangka terus berkembang dan menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar keseluruhannya dijangka meningkat kepada 32.8 peratus. Beta juga berbangga dengan kejayaan kereta nasional memperkembangkan pasaran ke lain-lain negara di Eropah.

Dalam menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian, Kerajaan Beta akan mengutamakan industri berteknologi tinggi dan industri berat yang canggih di samping mengurangkan pergantungan pada tenaga asing dengan mempertingkatkan kepakaran tempatan sambil bersedia mempelajari teknologi daripada semua sumber. Kerajaan juga akan mengagihkan industri ke semua negeri di negara ini di mana keutamaan diberikan kepada industri bersih dan kurang mencemarkan alam sekitar.

Sektor perkhidmatan pula akan terus memberikan sumbangan yang besar kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 44.5 peratus dalam tahun ini. Namun demikian, masih banyak yang boleh kita lakukan untuk membangunkan sektor perkhidmatan negara supaya setanding dengan negara maju pada satu masa akan datang.

Di bawah strategi Dasar Pertanian Negara sektor pertanian akan mencapai pertumbuhan yang lebih pesat berdasarkan kepada peningkatan pengeluaran komoditi bernilai tinggi dengan kamajuan proses mekanisasi dan penggunaan teknologi tinggi untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja. Pihak Kerajaan memberikan penekanan kepada pelaksanaan program-program pengeluaran bahan makanan yang lebih bersepadu bagi menambahkan lagi bekalan makanan.

Untuk mengekalkan dayatanding, usaha-usaha telah diambil dalam sektor komoditi utama bagi menggalakkan pelaburan di luar negeri secara membuka ladang-ladang dengan membawa modal dan teknologi dari Malaysia. Kita juga memilih strategi memesatkan nilai-tambah sesuatu komoditi melalui pembangunan industri hiliran dan eksport bahan diproses.

Secara keseluruhan, perdagangan luar Malaysia terus berkembang dengan pesatnya. Ini disebabkan di antara lain oleh pemulihan ekonomi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah yang merupakan pasaran utama Malaysia. Eksport dijangka bertambah dengan kadar 21.9 peratus manakala import sebanyak 20.4 peratus.

Di peringkat serantau, ASEAN telah bersetuju untuk mempercepatkan pengwujudan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dari 15 tahun ke 10 tahun. Ini akan membolehkan negara-negara ASEAN mengambil peluang yang timbul daripada perkembangan perdagangan dunia yang semakin pesat. Selain itu, Kerajaan telah mempelopori Kawasan Segitiga Wilayah Utara, Kawasan Segitiga Wilayah Selatan dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur.

Dengan adanya perjanjian perdagangan antarabangsa yang menubuhkan Pertubuhan Perdagangan Sedunia, pertumbuhan perdagangan dunia akan dapat dipertingkatkan lagi di bawah sistem perdagangan yang lebih luas dan terbuka. Ini akan memberi peluang dan juga cabaran kepada Malaysia sebagai salah sebuah negara perdagangan antarabangsa yang besar di dunia. Beta berharap syarikat-syarikat Malaysia mempertingkatkan produktiviti dan daya saing mereka untuk merebut peluang-peluang perdagangan antarabangsa yang timbul dari penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Pasaran modal negara kita juga terus berkembang pesat dan kini Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan bursa saham yang terbesar di Asia Tenggara dari segi nilai saham pasaran. Bagi mengukuh dan mendalamkan lagi pasaran modal negara, beberapa tindakan berhubung dengan pengawalan dan pentadbiran telah diperkenalkan. Di samping itu, Suruhanjaya Sekuriti juga telah mengambil langkah-langkah untuk melindungi pelabur di samping memastikan supaya kekukuhan keseluruhan pasaran modal negara dapat dikekalkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kepesatan pertumbuhan ekonomi telah menyebabkan Malaysia mencapai gunatenaga yang penuh. Di samping itu permintaan tenaga kerja terus meningkat secara mendadak. Walaupun pekerja-pekerja asing diperlukan pada masa ini, Kerajaan akan terus mengawal dan mengetatkan syarat-syarat kemasukan mereka.

Kerajaan juga akan terus berusaha menggalakkan sektor swasta supaya menukar strategi pengeluaran agar tidak bergantung kepada tenaga kerja yang banyak. Penekanan diberikan kepada usaha-usaha latihan semula dan peningkatan kemahiran supaya lebih ramai pekerja mahir tempatan dapat dilahirkan. Pendidikan teknik dan vokasional akan diberi pendekatan baru supaya sesuai dengan keperluan gunatenaga negara.

Beta berbangga dengan hubungan muhibah, persefahaman dan kerjasama yang terjalin antara pekerja dan majikan. Dalam pada itu wajarlah pihak pekerja menyedari bahawa peningkatan upah perlulah setimpal dengan peningkatan produktiviti. Sehubungan ini telah mula berlaku peningkatan upah yang tinggi berbanding peningkatan produktiviti.

3 JULAI 1995

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang pesat, peranan dan sumbangan pihak swasta dalam membangunkan prasarana negara ini adalah penting. Di samping program untuk menyediakan lebih banyak kemudahan prasarana seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya, Kerajaan juga akan meneruskan kaedah penswastaan untuk menjimatkan perbelanjaan pembinaan prasarana.

Untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik yang besar menjelang tahun 2000, industri bekalan elektrik telah dibuka kepada pihak swasta. Selain itu, Kerajaan juga sedang giat membangunkan pembahagian gas asli untuk pengguna-pengguna menerusi projek retikulasi gas asli.

Hasrat Kerajaan untuk membina sistem rangkaian jalan raya terbaik di seluruh negara tercapai dengan siapnya projek Lebuhraya Utara-Selatan serta jalan raya Persekutuan di Negeri Sarawak pada tahun lepas. Pelaksanaan projek lebuhraya yang merentasi Negeri Sabah dan Sarawak hingga ke sempadan Indonesia juga sedang giat dilaksanakan.

Bagi memenuhi keperluan pertumbuhan dan pembangunan negara, Kerajaan akan memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membangunkan golongan usahawan terutamanya bagi mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Kerajaan juga akan terus menyediakan kemudahan perniagaan dan perusahaan yang lengkap serta garis-garis panduan yang boleh menggalakkan lagi pembangunan usahawan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan strategi dan keperluan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, Kerajaan akan terus menggiatkan program-program Penyelidikan dan Pembangunan di agensi-agensi Kerajaan serta institusi-institusi pendidikan tinggi. Program-program ini akan berteraskan kehendak pasaran dan selari dengan keperluan industri tempatan dan antarabangsa. Tumpuan juga sedang diberi bagi membangunkan industri aerospace yang memerlukan kepakaran dan teknologi tinggi.

Di dalam usaha kita mencapai taraf negara maju, kefahaman serta penghayatan budaya sains adalah perlu. Tumpuan juga dibuat ke atas sistem pendidikan dan latihan terhadap mata pelajaran sains dan teknologi di semua peringkat sekolah. Usaha juga sedang diatur bagi membolehkan rakyat menikmati siaran yang bermaklumat di dalam usaha meningkatkan pengetahuan rakyat di dalam pelbagai bidang termasuk sains dan teknologi.

Langkah-langkah Kerajaan yang tegas dari segi kewangan, fiskal dan pentadbiran telah berjaya membendung inflasi ke tahap yang rendah. Sehubungan ini Kerajaan Beta akan berusaha untuk mencapai paras inflasi sifar walaupun dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Bagi mengatasi kekangan bekalan terutama makanan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri perlulah bekerjasama menggembeling usaha ke arah mewujudkan lebih banyak kawasan-kawasan untuk

menghasilkan keluaran makanan. Dalam masa yang sama, usaha-usaha akan terus dilaksanakan bagi memastikan rakyat khususnya pengguna terus dilindungi daripada amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat dan tidak beretika.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana Kerajaan sentiasa berusaha mengimbangi pembangunan kebendaan dan kerohanian dengan mengukuhkan penghayatan amalan nilai-nilai murni dalam segenap bidang. Pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada pembentukan moral yang lebih berkesan akan diperluas dan diperkukuhkan. Begitu juga dengan meningkatkan lagi keupayaan dan kecekapan institusi-institusi Islam serta meluaskan lagi kefahaman dan penguasaan ilmu, kekuatan umat Islam akan bertambah kukuh dan maju. Beta percaya, penekanan secara berterusan kepada penghayatan dan amalan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan dan kehidupan akan melahirkan masyarakat yang toleransi dan penyayang. Dalam pada itu, Kerajaan Beta akan mengambil langkah-langkah yang lebih tegas demi memelihara hubungan persaudaraan sesama umat Islam.

Beta berharap Kerajaan akan membentaras segala jenis penyelewengan dan pelampau agama demi memelihara kemurnian ajaran Islam yang sebenar dan menentukan supaya tidak ada salah tafsiran untuk kepentingan mana-mana pihak. Kerajaan juga akan mengamalkan ajaran Islam secara praktikal dengan membekalkan sistem alternatif dalam urusan kehidupan rakyat seperti perbankan tanpa faedah, takaful dan muamalat.

Beta juga sedar bahawa Kerajaan sentiasa berhemat dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk meningkatkan lagi tahap akauntabiliti di semua peringkat pentadbiran.

Kesinambungan perjuangan rakyat adalah bergantung kepada persiapan generasi muda sekarang. Program Rakan Muda merupakan cetusan dan terbitan dari Wawasan 2020 dalam membentuk identiti bangsa Malaysia agar mereka mempunyai pegangan nilai mulia lagi murni. Misi Rakan Muda adalah generasi muda yang merupakan penunjang dan penggerak pembangunan masyarakat dan negara maju berasaskan ilmu, etika, teknologi, kerakanan, usaha, azam, iltizam dan cita-cita tinggi. Penglibatan semua jentera Kerajaan dan sokongan padu rakyat adalah perlu bagi menjayakan program ini.

Beta juga amat berbangga dengan keperihatinan Kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar. Negara kita menjadi contoh kepada negara-negara yang baru membangun terutama kejayaan kita membangunkan kawasan luar bandar di mana kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, elektrik, air dan telefon telah dapat disediakan.

Kini hanya terdapat kelompok-kelompok kecil rakyat termiskin di kawasan-kawasan tertentu yang akan diberi tumpuan khas oleh Kerajaan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin dengan penggembelingan tenaga kesemua jentera Kerajaan.

3 JULAI 1995

Sebagai memenuhi impian rakyat untuk memiliki rumah sendiri, Kerajaan telah melancarkan program raksasa bagi menyediakan rumah-rumah untuk rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Kesungguhan Kerajaan untuk mencapai matlamat ini telah melibatkan peruntukan yang begitu besar. Kerajaan terus menggembeling tenaga bagi mengatasi masalah perumahan rakyat supaya ekaligus memelihara kos sara hidup yang rendah di negara ini. Di samping itu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-Kerajaan Negeri dan pihak swasta hendaklah berkerjasama dalam menjayakan projek pembinaan rumah kos rendah untuk kepentingan rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Negara kita sudah sampai ke tahap yang lebih bererti dalam memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Kita harus mengambil iktibar ke atas nasib negara-negara yang mengalami perpecahan kaum dan keturunan yang akhirnya membawa kepada usuhan kaum, pembunuhan dan perang saudara yang mengakibatkan kesengsaraan kepada rakyat. Sehubungan itu Beta menyeru supaya rakyat sekalian tidak mengamalkan fahaman sempit sehingga boleh menimbulkan ketegangan kaum.

Pembangunan sosial adalah merupakan satu aspek yang amat penting dalam membina tamadun baru negara maju yang diidamkan. Dalam usaha ini Beta gembira kerana di samping pencapaian ekonomi yang memberangsangkan, semangat kerjasama, kejiwaan dan keperihatinan terhadap keperluan wargatua, orang cacat dan malang turut diberi keutamaan. Untuk mencapai matlamat memperkukuhkan institusi keluarga pula program-program yang menjurus ke arah memperkukuhkan kemampuan dan ketahanan keluarga dalam era pembangunan ini akan diperluaskan.

Beta juga berbangga dengan penyertaan wanita yang berkesan dalam hampir semua sektor bagi merintis perubahan dan kemajuan sosio-ekonomi dan politik.

Pada amnya, taraf kesihatan di negara ini adalah baik. Seajar dengan matlamat meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan kualiti hidup rakyat dengan menambahkan program-program kesihatan serta mengadakan beberapa kemudahan kesihatan baru yang lebih moden khususnya di kawasan-kawasan luar bandar serta meningkatkan kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Selaras dengan usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kerajaan akan meningkatkan usaha pemuliharaan alam sekitar. Keberkesanan Kerajaan untuk memenuhi cabaran ini bergantung kepada kesedaran dan amalan individu untuk membentuk masyarakat yang bermoral dan beretika tinggi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Industri pelancongan di era tahun 1990an telah memperlihatkan satu kemajuan yang sungguh membanggakan apabila ianya berjaya menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara. Pada tahun 1995 ini kita memberi penekanan kepada beberapa buah destinasi utama sebagai daya tarikan kepada pelancongan berasaskan

alam semulajadi, pertanian, pusat membeli-belah dan sejarah. Di samping itu adalah menjadi dasar Kerajaan supaya warisan kebudayaan dan sejarah negara dipelihara dan dikekalkan untuk generasi masa kini dan akan datang.

Negara kita akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Usaha-usaha perlu dipertingkatkan untuk menyediakan atlit yang bukan sahaja dapat membuktikan mutu dan kecemerlangan sukan di Malaysia tetapi juga menunjukkan di mata dunia tahap disiplin, kewibawaan dan semangat kesukanan yang tinggi dengan kemampuan bertanding menjuarai berbagai acara temasya.

Kecekapan dan keberkesanan yang disumbang oleh Perkhidmatan Awam di negara ini dalam melaksanakan dasar-dasar penting Kerajaan telah berjaya memelihara dan menjamin kesejahteraan rakyat. Perkhidmatan Awam telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dalam pentadbiran dan pengurusannya yang berorientasikan kepada kepentingan rakyat. Melalui Piagam Pelanggan, orang ramai telah diberi jaminan untuk mendapat perkhidmatan berkualiti dalam tempoh yang ditetapkan.

Beta juga amat berpuas hati dengan dasar dan peranan kita dalam hubungan luar negeri sama ada di peringkat hubungan dua hala mahupun di peringkat, hubungan perlbagai hala. Dasar luar dan peranan kita dalam menangani isu-isu utama dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa dalam era selepas perang dingin ini telah meningkatkan imej negara di kalangan masyarakat dunia. Negara kita juga telah memainkan peranan sebagai jurucakap yang berkesan dalam forum-forum antarabangsa dan ianya berjaya menyumbang kepada kesejahteraan dan keamanan dunia serta kemanusiaan sejagat.

Dalam bidang perundangan, adalah diperhatikan bahawa perkembangannya amat meluas dan mendalam yang meliputi juga aspek-aspek baru sejajar dengan pergolakan semasa di dalam dan di luar negara.

Sebagai langkah menjamin pelaksanaan tugas memelihara keamanan dan keselamatan negara dengan berkesan, Kerajaan akan meneruskan program modenisasi Angkatan Tentera Malaysia dengan meningkatkan profesionalisma anggota-anggotanya. Beta amat berbangga dengan penyertaan pasukan keselamatan di bawah misi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pendedahan dan pengalaman tersebut akan memantapkan lagi profesionalisma pasukan keselamatan negara ini dan menaikkan imej negara.

Beta bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana keadaan keselamatan negara adalah baik hasil daripada sumbangan dan peranan semua pihak termasuklah pasukan keselamatan negara. Namun begitu kita perlulah sentiasa berwaspada. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak, terutama sekali rakyat jelata, untuk bersama-sama dengan Kerajaan menjayakan usaha-usaha mengekalkan keamanan yang sedang dinikmati sekarang ini agar negara akan terus membangun ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.